

Bil. 45

**Rabu
10 November 1999**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN
PENGGAL KELIMA
MESYUARAT KETIGA**

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Ruangan 1)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Perbekalan 2000	(Ruangan 16)
PERISYTIHARAN TUAN YANG DI-PERTUA	
Pembubaran Parlimen Yang Kesembilan	(Ruangan 44)
USUL:	
Anggaran Pembangunan 2000	(Ruangan 16)
Merentikan Mesyuarat Dewan Rakyat Di Bawah Peraturan Mesyuarat 12(1)	(Ruangan 53)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tun Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)
- “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato’ Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)
- “ Menteri Kerja Raya, Dato’ Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)
- “ Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas)
- “ Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Kewangan Pertama, Tun Dato’ Daim Zainuddin, S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)
- “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)
- “ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Menteri Pendidikan, Dato’ Sri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)
- “ Menteri Sumber Manusia, Dato’ Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)
- “ Menteri Pertahanan, Dato’ Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)

Yang Berhormat Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P., S.M.J, P.I.S (Bakri)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.H.M.S., S.I.M.P., D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Menteri Kewangan Kedua, Datuk Haji Mustapa bin Mohamed, S.I.M.P., D.P.M.S. (Jeli)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Panglima Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., S.P.M.P., D.P.M.K., D.S.S.A, D.S.A.P., D.P.C.M., A.M.P., A.M.K (Pasir Salak)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Seri Mohamad Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, S.P.M.P. D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Ir. Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K, A.S.D.K., P.J.N. (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.D.K., P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Tengku Dato’ Dr. Haji Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., J.P., P.J.C., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Ong Ka Ting D.P.M.P. (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' K. Kumaran, D.P.M.P., J.S.M., P.M.P., K.M.N., P.P.T., J.P. (Tapah)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato' Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M., D.M.P.N., D.S.A.P. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Haji Mohamed Nazri bin Tan Sri Abd. Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Haji Idris bin Jusoh, D.P.M.T., P.J.K. (Besut)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Fauzi bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.D.K., P.B.S., A.M.N., A.B.S., (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng, K.M.N. (Padawan)

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Dato' Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria P.J.K. (Jerantut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “ Datuk Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said (Kuala Nerus)
- “ Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Tan Sri Datuk Patinggi Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datoh)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)

- Yang Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, S.P.M.P., S.P.C.M., S.S.A.P., D.U.P.N., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)
- “ Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timur)
- “ Tuan Chang See Ten (Gelang Patah)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato' Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Haji Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Datuk Haji Hanafi bin Ramli, P.J.N., D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Haji Hashim bin Jasin (Arau)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato' Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato' Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)
- “ Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Donald (Sri Aman)

Yang Berhormat Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)

- “ Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Dato’ Dr. Haji Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Ir. Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Tuan Ir. Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Dato’ Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Datuk Mansor bin Masikon, P.S.R. (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan M. Kulasegaran (Teluk Intan)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Datuk Seri Mohamed bin Rahmat, D.G.S.M., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.D.K., S.S.S.A., S.P.M.T., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)

- Yang Berhormat Tuan Haji Noh bin Omar, K.M.N., J.P., A.S.A., P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paulis Nointien, A.D.K. (Penampang)
- “ Datuk Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Hajah Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato' Seri Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)
- “ Dato' Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Datuk S'ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)

Yang Berhormat Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)

- “ Dato' Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Meringking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat	:	Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan, P.S.D., J.S.D., K.M.N.
Ketua Penolong Setiausaha	:	Zamani bin Haji Sulaiman : Haji Mustakin bin Selamat
Penolong Setiausaha	:	Haji Mustafa bin Abdul Rahman : Ruhana binti Abdullah : Riduan bin Rahmat

CAWANGAN DOKUMENTASI

Pegawai Penerbitan	:	Azhari bin Hamzah : Monarita binti Mohd. Hassan
Pelapor Perbahasan Parlimen	:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N. : Hajah Supiah binti Dewak : Mohd Saleh bin Mohd. Yusop : Mohamed bin Osman : Hajah Norishah binti Mohd. Thani : Shamsina binti Janor : Ramlah binti Mohd. Yusuff : Noor Effarizan binti Mat Satib : Nurziana binti Ismail : Azita binti Nawi : Nik Elyana binti Ahyat : Taharah binti Mohamed
Pembaca Pruf	:	Abu Bakar bin Hasan

CAWANGAN BENTARA

Bentara Mesyuarat	:	Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali : Mejar (B) Zakaria bin Salleh : Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah
-------------------	---	---

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Rabu, 10 November 1999

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN***[Soalan No. 1 – Y.B. Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian) tidak hadir]**[Soalan No. 2 – Y.B. Tuan Asmat Nungka (Beluran) tidak hadir]*

3. **Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob [Bachok]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil bagi memastikan semua tahanan di lokap polis ataupun di penjara-penjara tidak dibunuh secara misteri melalui keracunan arsenik dan sebagainya.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Haji Azmi bin Khalid]: Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar sama sekali terdapat pembunuhan secara misteri di dalam penjara atau lokap polis Malaysia. Kementerian ini merasa kesal di atas kesanggupan seseorang terutamanya Ahli Yang Berhormat yang mempunyai pemikiran yang sedemikian kerana beliau tahu sebagai sebuah negara yang berpegang teguh kepada undang-undang tidak mungkin perkara-perkara yang sekeji ini dilakukan. Kenyataan seperti ini adalah semata-mata berniat buruk untuk tujuan menjatuhkan imej kerajaan dan sekali gus menjatuhkan imej negara di kaca mata orang asing.

Tohmahan percubaan pembunuhan secara misteri adalah semata-mata gimik politik yang digunakan habis-habisan oleh pihak pembangkang kerana mereka sudah ketandusan modal. Undang-undang dan peraturan yang sedia ada dalam negara adalah lengkap bagi mengendalikan orang-orang tahanan atau banduan di negara ini.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ini bukan soalan politik, bukan soalan politik kepartian. Memang bukan, kerana hangat sangat dengan pilihan raya sekarang ini. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila teruskan.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat terangkan di dalam tempoh misalnya lima atau sepuluh tahun ini bilangan tahanan di dalam lokap yang mati dan peraturan-peraturan yang diadakan untuk memastikan tidak ada penyelewengan di dalam urusan penahanan di dalam lokap di seluruh negara. Ini bukan politik, cuma untuk kesejahteraan dan ketenteraman Malaysia.

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada angka-angka untuk menjawab soalan Yang Berhormat tadi. Tetapi apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat secara tersirat ialah untuk mengatakan seolah kerajaan secara deliberate, secara sengaja melakukan segala apa yang kononnya berlaku kematian dan pembunuhan. Ini adalah matlamat tersirat dalam soalan walaupun kononnya bukan bermatlamat politik. Tetapi sebenarnya apa yang diujah dan diutarakan beliau itu adalah memang bermatlamat politik. *[Ketawa]*

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, apabila tohmahan sama

ada rasmi ataupun tidak rasmi dibuat sedemikian, kesannya ialah diambil sebagai politik sama ada di negara ini sendiri ataupun bagi masyarakat antarabangsa sebagai satu cubitan tohmahan yang bertanggungjawab atas persoalan demikian. Umpamanya soalan nombor tiga ini, menunjukkan imbasan yang bermakna ada berlaku perkara ini di negara kita. Jadi, saya bertanya adakah kementerian Yang Berhormat bercadang untuk menjemput siapa sahaja membuat tuduhan atau tohmahan yang sedemikian dijemput secara rasmi dan terbuka untuk datang ke polis stesen untuk membuat laporan secara rasmi supaya diselidik dan kalau perkara ini didapati tidak benar, orang yang membuat tuduhan itu bolehlah dibawa ke mahkamah untuk membuktikan tohmahan-tohmahan mereka.

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat, ini soalan yang baik untuk saya menjawab. Sememangnya kita telah meminta Yang Berhormat bagi Jelutong yang lantang di dalam mahkamah menuduh bahawa Dato' Seri Anwar Ibrahim itu diracun dan membohong dalam Dewan ini bahawa laporan daripada *Gribbles*, satu makmal di Australia itu mengatakan menggunakan perkataan 'keracunan' itu pun diseleweng dan dibohongkan dalam Dewan ini. Kita minta dia membuat laporan kepada polis ataupun membuat kenyataan berkenaan di luar Dewan dan di luar mahkamah. Tetapi oleh kerana beliau tahu beliau berbohong, maka beliau tidak berani membuat tohmahan seperti itu.

Begitu juga dengan soalan ini yang memang pada mulanya sudah berniat buruk kepada kerajaan dan oleh kerana itu Yang Berhormat bagi Kepong tidak boleh berkata kepada saya bahawa ini bukan soalan politik. Sememangnya tujuan dan niat tersirat di dalam soalan ini pun sudah berbau busuk dengan politik.

[Soalan No. 4 – Y.B. Tuan Wong Kam Hoong (Bayan Baru) tidak hadir]

5. **Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan [Larut]** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan setakat manakah tanaman getah digalakkan dan bagaimana menteri berkenaan berunding dengan negara-negara luar supaya membeli getah jika ada, jika tidak, kenapa.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan Yang Berhormat bagi Mentakab memandangkan kedua-duanya ada kaitan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, baiklah.

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, di antara tindakan yang akan terus diambil bersama-sama dengan negara pengeluaran getah asli sebagai salah satu usaha meningkatkan harga getah di pasaran antarabangsa ialah mengadakan program rasionalisasi pengeluaran dan juga program pemasaran getah di kalangan anggota Pertubuhan Negara Pengeluaran Getah Asli (ANRPC), dengan izin.

Di samping itu, berikutan penarikan diri Malaysia dan Thailand dari INRO satu memorandum persefahaman bagi kerjasama dalam bidang getah telah pun ditandatangani di antara Malaysia dan Thailand pada 17 September 1999. Hasil dari MoU tersebut satu jawatankuasa peringkat menteri dan dua jawatankuasa kecil telah ditubuhkan. Salah satu daripadanya adalah Jawatankuasa Kecil Harga dan Perdagangan yang antara lain bertujuan memantau harga dan pasaran getah bagi faedah kedua-dua negara. Kerjasama tersebut merangkumi perkongsian maklumat, pengurusan stok dan rasionalisasi bekalan.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia mengeluarkan sebanyak 0.98 juta tan metrik getah asli pada tahun 1998. Daripada jumlah tersebut sebanyak 334,059 tan metrik atau kira-kira 35% telah digunakan oleh industri hiliran tempatan bagi pembuatan produk getah.

Bagi tempoh Januari-Ogos 1999 pula Malaysia mengeluarkan sebanyak 0.53 juta tan metrik getah asli. Daripada jumlah tersebut sebanyak 227,589 tan metrik atau 42% telah digunakan oleh industri hiliran tempatan bagi pembuatan produk getah.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sememangnya menggalakkan pengusaha-pengusaha sektor hiliran tempatan menggunakan lebih banyak getah asli negara dalam pembuatan produk getah sama ada bagi tujuan eksport mahupun pasaran tempatan. Selain menyediakan insentif-insentif, usaha-usaha penyelidikan dan pembangunan (R&D), dengan izin, terus dipertingkatkan dengan tujuan memaju, mempelbagai dan juga memperkenalkan kegunaan baru getah asli di pasaran antarabangsa. Usaha-usaha promosi pasaran juga terus dilaksanakan bagi menembusi pasaran baru serta menangani isu-isu yang berbangkit seperti isu alahan protin latex.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Yang Berhormat bagi Larut adalah dimaklumkan bahawa kerajaan memang menggalakkan tanaman getah serta lain-lain komoditi bagi mempelbagaikan tanaman dan aktiviti ekonomi negara. Tambahan pula bagi industri getah, sektor penanaman merupakan pembekal kepada dua subsektor hiliran iaitu sektor pembuatan barangan berasaskan getah dan juga sektor pembuatan barangan berasaskan kayu getah.

Kerajaan tidak terlibat dalam aktiviti menjual getah kepada negara-negara luar kerana ianya sewajarnya dilakukan oleh pihak swasta. Walau bagaimanapun, seperti yang saya sebutkan tadi kerajaan akan terus terlibat dalam program mempromosikan di pasaran dan penentuan standard produk getah.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ini bukan politik ya, untuk komoditi. Saya beri nasihat kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi dia berpolitik.....

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Soalan pun sudah politik.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila tanya soalan.

Dr. Tan Seng Giaw: Bolehkah Yang Berhormat memberitahu unjuran pihak kementerian untuk keluasan tanah di Malaysia yang ditanam getah dan unjuran keluaran getah berkualiti di masa hadapan. Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan telah memperuntukkan RM325 juta untuk membantu 400,000 pekebun kecil. Dengan tujuan bantuan ini apakah hasil di dalam bantuan ini. Saya berharap bantuan ini bukan mengira bulu politik dan sebagainya.

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein: Tuan Yang di-Pertua, dari segi angka dan keluasan yang diminta, saya perlukan notis dan akan menjawab secara bertulis. Tetapi jumlah yang telah diumumkan baru-baru ini untuk membantu pekebun-pekebun kecil seperti yang telah dinyatakan dalam Belanjawan di mana kerajaan telah bersetuju memperuntukkan RM201 juta untuk program tanam semula bagi tahun 2000 seluas 45,000 hektar. Jumlah tanaman sekarang ini seperti saya sebutkan tadi, saya tidak ada terperinci tetapi program tanam semula ialah 45,000 hektar yang memakan belanja RM201 juta. Keduaanya, RM120 juta untuk Tabung Yayasan Ekonomi Pekebun Kecil sebagai tabung pusingan bagi membiayai aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan ekonomi lain di mana pinjaman ini perlu dibayar. Dan akhir sekali RM80 juta tabung pusingan LIT untuk tempoh lima tahun bagi membiayai aktiviti guna pakai teknologi sistem torehan LIT, RM6 juta daripadanya diperuntukkan bagi tahun 2000.

Keluasan untuk tanaman semula, MTEN telah membuat keputusan supaya program tanaman semula ini getah ke getah seluas 30,000 hektar setahun dilaksanakan. Ini bukan jawapan politik kerana lama telah dirancang dan kita hanya memikirkan masa depan pekebun-pekebun kecil, bukan macam pembangkang untuk sementara waktu berdepan dengan pilihan raya sahaja.

Dato' Hon Choon Kim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak tahu tentang kaedah baru untuk menoreh getah, iaitu dengan izin, *low density tapping*, bagaimana sambutan daripada pekebun kecil dan sama ada ini berkesan untuk meningkatkan pengeluaran getah di negara kita.

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein: Tuan Yang di-Pertua, pertemuan teknologi sistem torehan LIT ini terpaksa kita memberi tumpuan kerana jelas bahawa generasi kedua yang terlibat dalam industri ini tidak begitu hendak terlibat secara langsung. Ini bermakna bahawa satu sistem baru torehan perlu diperkenalkan. Masalah yang dihadapi oleh penoreh-penoreh sekarang ini ialah dari segi kos untuk memperolehi sistem ini. Sebab itu RM8 juta tabung pusingan LIT ini untuk tempoh lima tahun telah diketengahkan oleh kerajaan. Kesannya kita terpaksa tunggu, Yang Berhormat, kerana ini baru diperkenalkan.

6. **Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]** minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada pihak kerajaan menjalankan kajian terperinci sebelum meluluskan projek tebus guna tanah pesisir pantai.

Timbalan Menteri Pertanian [Tengku Dato' Dr. Haji Mahmud bin Tengku Mansor]: Tuan Yang di-Pertua, kajian terperinci memang dijalankan oleh pihak kerajaan sebelum sesuatu tebus guna tanah di persisiran pantai dipertimbangkan untuk kelulusan. Projek tebus guna tanah persisiran pantai yang melebihi 50 hektar keluasannya adalah salah satu aktiviti pesat yang tertakluk kepada Akta Kualiti Alam Sekitar di mana kajian kesan alam sekitar (*environmental impact assessment*) adalah diwajibkan. Kajian ini dijalankan oleh pasukan kajian bertauliah bagi pihak pemaaju projek yang terdiri daripada pakar-pakar dari pelbagai disiplin seperti kejuruteraan pantai dan sungai, hidrologi, sosio-ekonomi, arkeologi, kualiti air, udara, bunyi, hayat marin dan sebagainya.

Kajian ini seterusnya akan dipamerkan untuk ulasan umum serta ditinjau secara terperinci oleh satu panel pengulas yang terdiri daripada agensi-agensi kerajaan dan pakar-pakar perseorangan bebas di bawah kendalian Jabatan Alam Sekitar. Setelah Jabatan Alam Sekitar bagi pihak kerajaan telah berpuas hati dengan penemuan-penemuan kajian EIA, barulah kelulusan pembangunan projek diberi. Lazimnya siap dengan syarat-syarat kelulusan tertentu yang bertujuan untuk mengawal pencemaran dan kesan negatif lain yang mungkin timbul semasa pembinaan dan operasi projek tebus guna tanah pesisir pantai kelak.

7. **Puan Lim Lay Hoon [Padang Serai]** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah dengan langkah menurunkan cukai levi sebanyak 10% dapat menarik semula para pelabur dari dalam dan juga luar untuk melabur semula di negara kita.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, tujuan memudahsuaikan cukai levi dua peringkat, iaitu 30% dan 10% kepada cukai levi setara sebanyak 10% daripada jumlah keuntungan yang dihantarkan pulang adalah untuk memastikan kecekapan dalam pentadbiran dan pelaksanaan sistem levi.

Pelaksanaan levi setara ini adalah hasil daripada perbincangan dengan para pengurus dana. Beberapa negara lain turut mengenakan cukai. Misalnya, Amerika Syarikat menggunakan keuntungan modal iaitu keuntungan dikenakan cukai apabila diperolehi.

Kerajaan yakin pelaksanaan levi setara sebanyak 10% akan terus menggalakkan pelaburan semula oleh pelabur asing yang sedia ada dalam negara dan juga menarik pelaburan baru dari luar negara.

Semenjak pengenalan sistem levi pada 15 Februari 1999 hingga 3 November 1999 terdapat aliran masuk bersih dana baru atau *net inflow of new funds*, dengan izin, sebanyak RM12.2 bilion berbanding dengan aliran keluar bersih dana asing sebanyak RM3.75 bilion.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon penjelasan tambahan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Minta jelaskan apakah trend dana keluar dan dana masuk ke Malaysia yang didapati mulai bulan September 1999 sehingga November 1999. Jika dana masuk lebih banyak daripada dana keluar, apakah sebabnya yang boleh dijelaskan secara munasabah?

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat trend dana masuk daripada 1 September 1999 ialah sebanyak RM9,097.72 juta berbanding dengan wang dana keluar sebanyak RM2,766.68 juta. Pada 3 November dana masuk sebanyak RM12,191.94 juta berbanding dengan dana keluar RM3,749.67 juta.

Jadi, pada angka-angka ini kita lihat trendnya lebih positif kerana sekarang ini pihak luar negara, orang-orang luar negara telah pun mengatakan bahawa Malaysia telah pun keluar daripada belukar kegawatan ekonomi. Ini kerana kita tengokkan sistem perbankan sahaja, nisbah modal berwajaran risiko atau PWCR adalah sebanyak 12.7% pada akhir September 1999 dan jauh melebihi keperluan minimum sebanyak 8%. Pinjaman purata bulanan yang diluluskan (*approvals*) dari bulan Januari hingga September 1999 meningkat 63.3% kepada RM8.4 bilion berbanding dengan RM5.1 bilion pada tahun 1998. Manakala pinjaman purata bulanan yang dikeluarkan ataupun *disbursement* meningkat 22.2% kepada RM26.4 bilion berbanding purata bulanan sebanyak RM21.6 bilion pada tahun 1998.

Kemajuan positif juga dilihat dalam penstrukturan semula sektor perbankan dan korporat dan ini telah pun dihargai, diberi *remark* yang positif oleh *World Bank* tentang *transparency* kita dan juga tentang jumlah NPL yang dapat kita atasi, Danamodal dapat kita urus dan juga Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat (CDRC) telah juga dapat kita selesaikan permasalahan-permasalahan peringkat korporat.

Tuan Chiew Chiu Sing: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah faktor-faktor yang menyebabkan pelabur-pelabur tidak membawa keluar pelaburan mereka selepas 1 September 1999, selain dikenakan cukai keluar (*exit lev*)?

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang saya katakan tadi bahawa fundamental kita bagus daripada indikator-indikator yang kita lihat daripada petunjuk-petunjuk ekonomi yang kita lihat semuanya adalah merupakan satu angka yang positif. Misalnya, pertumbuhan ekonomi KDNK benar telah mencatatkan pertumbuhan sebanyak 4.1%, pengeluaran sektor pembuatan meningkat 17.4% dan juga perdagangan luar eksport meningkat 12.6%, lebih dagangan sebanyak RM52.3 bilion ataupun US\$13.8 bilion.

Jadi, *reserved* negara pun meningkat sebanyak RM30.2 bilion yang mampu menampung 6.2 bulan import tertangguh dan harga pengguna juga rendah. Kutipan cukai jualan bagus, jualan kereta penumpang pun bagus, *business condition index* pun bagus. Jadi, ini semuanya menunjukkan bahawa petunjuk-petunjuk ekonomi kita telah pun dapat mengatasi atau keluar daripada belukar kegawatan ekonomi.

8. **Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz [Hulu Langat]:** minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah pihaknya sanggup menimbangkan cadangan supaya cukai jalan bagi motosikal klasik/vintage diturunkan kepada 20 peratus sahaja seperti mana yang dinikmati oleh pemilik-pemilik kereta klasik dan vintage buat masa ini.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Dr. Ibrahim bin Saad]: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini kerajaan tidak bercadang untuk menurunkan kadar lesen kenderaan motor atau cukai jalan motosikal klasik atau *vintage* kepada 20% sahaja seperti mana yang dinikmati oleh pemilik-pemilik kereta klasik dan *vintage*. Ini disebabkan kadar LKM atau cukai jalan motosikal yang sedia ada pada ketika ini adalah murah jika dibandingkan dengan LKM atau cukai jalan kereta.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat tolong beritahu apakah kriteria-kriteria kereta lama atau kereta lama yang banyak terdapat di kampung-kampung, ia juga boleh dikurangkan cukai jalan seperti dinikmati oleh kereta-kereta klasik dan *vintage*?

Datuk Dr. Ibrahim bin Saad: Tuan Yang di-Pertua, kereta klasik ini ialah kereta yang melebihi daripada 25 tahun daripada tarikh dikeluarkan oleh pembuat. Kereta *vintage* adalah berusia lebih 50 tahun daripada tarikh dikeluarkan oleh pembuat.

Jadi, kalau ia lebih daripada itu, maka kita dapat pertimbangkan tetapi ada juga syarat-syarat lain sebab dia bukan kata kereta lama 25 tahun diambil, dibawa, ditukarnya semua jadi kereta lama, tidak boleh juga. Sebab ciri-cirinya termasuklah, enjin yang asal, chasis yang asal, reka bentuk asal tidak diubahsuai, sistem transmisi asal, sistem suspensi asal, gandar depan dan belakang hendaklah asal, sudah ada nombor pendaftaran, rim dan *steering* asal.

Jadi, walaupun 25 tahun ciri-ciri ini patut ada sebab kalau boleh jadi 25 tahun pun kalau yang lain semuanya baru, maka tidak boleh jugalah.

Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyebutkan tentang cukai motosikal lebih murah daripada kereta tetapi saya ambil contoh, motosikal saya 500 cc, 'road tax' nya RM300 dan kereta saya 1,000 cc, 'road tax' nya RM1,300. Maknanya, *road tax* motosikal lebih mahal.

Jadi, soalan saya ialah apakah galakan ataupun insentif yang boleh diberi oleh kerajaan untuk menggalakkan orang ramai menggunakan motosikal, memandangkan ia dapat mengurangkan kesesakan lalu lintas dan faedah-faedah lain umpamanya lebih cepat dan sebagainya?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat datang ke sini dengan motosikalkah?
[Ketawa]

Datuk Dr. Ibrahim bin Saad: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya cukai motosikal ini sudah rendah kalau dikurangkan lagipun ia tidak memberi kesan sebab kalau motosikal yang kurang daripada 75 cc, ia RM50 sahaja. Kalau kurangkan lagipun sudah tinggal RM5 hingga RM10 sahaja.

Jadi, orang lagi hendak naik motosikal sebab itu kalau sehingga yang 150 cc dan 200 cc – RM100. Kalau dikurangkan lagi 25% tinggal RM25, lagi orang hendak naik motosikallah. Jadi, lagi banyak *traffic jam*.

9. **Dr. Lee Chong Meng [Bukit Bintang]** minta Menteri Pendidikan menyatakan pencapaian peratusan keputusan peperiksaan UPSR sekolah rendah seluruh negara mengikut setiap negeri dari tahun 1995 hingga 1999. Apakah kesannya kepada murid-murid serta guru-guru yang terlibat.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]: Tuan Yang di-Pertua, keputusan peperiksaan UPSR adalah berdasarkan kepada mata pelajaran dan aliran sekolah. Pada keseluruhannya peratusan keputusan peperiksaan UPSR dari tahun 1995 hingga 1998 adalah memuaskan. Sebagai contoh, untuk dua mata pelajaran iaitu Matematik dan Sains di mana kandungannya adalah sama untuk semua aliran sekolah. Bagi tahun 1995 hingga 1998, purata pelajar yang lulus untuk mata pelajaran Matematik, sekolah kebangsaan adalah 93.7%; sekolah jenis kebangsaan (Cina) 90%; sekolah jenis kebangsaan (Tamil) 65%. Bagi mata pelajaran Sains untuk sekolah kebangsaan ialah 95.7%; untuk sekolah jenis kebangsaan (Cina) 80% dan untuk sekolah jenis kebangsaan (Tamil) 65%.

Bagi murid-murid yang mendapat keputusan cemerlang mereka berpeluang memasuki sekolah berasrama penuh, manakala yang lain akan melanjutkan pelajaran ke

peringkat menengah. Bagi guru pencapaian pelajar merupakan cabaran untuk terus meningkatkan prestasi pelajar.

Dr. Lee Chong Meng: Tuan Yang di-Pertua, apabila kita menjelang ke alaf baru, adakah rancangan daripada Kementerian Pendidikan untuk mengubah program ujian UPSR kerana program ini sudah lama dipakai di SRJK(C), SRJK(T) atau SRJK?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya format UPSR yang kita kekalkan sekarang telah dilaksanakan sejak tahun 1989. Jadi, iaitu di akhir tahun 1980-an. Kementerian Pendidikan akan mengkaji dan kita akan mendapat maklumbalas daripada semua pihak termasuklah guru, ibu bapa, pihak PIBG dan sebagainya supaya kita bolehlah kemas kinikan format itu mengikut keperluan.

Tuan Chiew Chiu Sing: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bagaimanakah pencapaian UPSR bagi murid-murid di luar bandar khususnya di Sarawak, terutama perbandingan pencapaian mereka dengan murid-murid di bandar di mana ada kemudahan kelas tuisyen?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada butir dalam tangan saya, namun demikian saya akan jawab secara bertulis.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

10. **Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang [Marang]** minta Perdana Menteri menyatakan apakah kelemahan-kelemahan yang masih wujud di dalam sistem pilihan raya yang dikendalikan oleh SPR sekarang ini. Apakah usaha yang dilakukan untuk membolehkan pengundi pos hadir ke pusat-pusat pembuangan undi biasa terutama sekali kepada anggota-anggota keselamatan yang tidak terlibat dengan sebarang tugas pada hari pengundian dijalankan.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya tidak ada sebarang kelemahan dalam sistem pilihan raya yang dikendalikan oleh SPR. Di setiap pilihan raya-pilihan raya yang lepas ianya berjalan dengan baik dan lancar. Mengikut undang-undang yang berkuat kuasa orang-orang yang layak mengundi secara pos termasuk anggota pasukan keselamatan, tidak perlu hadir di tempat mengundi. Sebaliknya, mereka dibenarkan untuk menandakan kertas undi pada bila-bila masa selepas kertas undi pos diserahkan kepada mereka. Dengan syarat kertas undi yang telah disempurnakan hendaklah diterima oleh pegawai pengurus sebelum jam 5.00 petang pada hari pengundian.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Soalan asal ini nampaknya jahat sedikit. Selalu pepatah Cina kata orang jahat selalu fikir orang lain jahat, ini soalnya.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam kawasan Dewan Undangan Negeri Langgar, Parlimen Pokok Sena pengundi pos tentera ada 900 orang tahun 1995 tetapi majoriti Ahli Dewan Undangan Negeri Langgar 400 orang sahaja. Ini menunjukkan bahawa pengundi tentera itu cukup bebas, kalau tidak bebas mestilah Ahli Dewan Undangan Negeri Langgar itu akan mendapat sekurang-kurangnya 900 majoriti ataupun 900 lebih sebab undi tentera sahaja ada 900 dan majoriti dia dapat 400. Ini adakah pihak pembangkang memikirkan bahawa SPR ataupun undi pos yang sekarang ini menyebelahi Barisan Nasional?

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, memang pada keseluruhannya setiap kali parti pembangkang membuat soalan memang soalnya [Disampuk] lagi kalau ada selain jahat dan sebagainya. [Disampuk] memang sengaja diadakan soalan yang sengaja tidak mengakui tentang kebaikan kerajaan buat. Itu memang tidak boleh kita nafikan.

Begitu juga dalam pilihan raya dan SPR walaupun berkali-kali taklimat diberikan oleh pegawai-pegawai SPR yang tidak dihadiri oleh mana-mana pihak politik tetapi nampaknya mereka masih juga tidak memahami apa yang sebenarnya. Bahkan mencadangkan supaya mengadakan satu lagi Suruhanjaya Pilihan Raya lain untuk mendaftarkan pengundi. Bayangkanlah niatnya tidak baik, kalau sekiranya dua SPR mendaftar pengundi, apa akan berlaku? Bayangkan, begitu juga pihak tentera dan polis membuang undi, kita memberi kebebasan kepada mereka, bukanlah bererti setiap mereka ini 100% mengundi Kerajaan Barisan Nasional. Kita dapati di tempat-tempat lain bukan sahaja di Dewan Undangan Negeri Langgar, di tempat-tempat lain juga ada di antara mereka yang mengundi parti pembangkang dan ada ramai di antara mereka walaupun mereka ada, langsung tidak menyerahkan kertas undi.

Inilah yang didapati keadaan yang sebenarnya, bahkan kalau ada perkara-perkara yang kita fikirkan, pihak kerajaan memikirkan, kita sendiri memandangkan lebih hendak mengemaskan lagi – kita cuba sebaik mungkin supaya kertas undi daripada tentera dan polis dapat berjalan dengan baik.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana walaupun kita sudah beberapa kali mengadakan pilihan raya tetapi masih ada berlaku pertindihan nombor IC dan berlaku pertembungan di kalangan pengundi. Orang yang mengundi dahulu sahaja yang boleh, yang kemudian oleh kerana IC nya sama, maka dia tidak boleh mengundi dan ini berlaku beribu-ribu di seluruh negara dan diakui oleh pihak SPR sendiri. Kalau tidak ada kelemahan, mengapa sehingga hari ini tidak boleh diatasi dan mengapa tidak dibenarkan wakil daripada parti-parti politik yang bertanding untuk menjadi pemerhati kepada undi pos?

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Semasa mendaftar kita menggunakan borang tertentu dan kita menggunakan kad pengenalan yang ditunjukkan oleh tiap-tiap pendaftar pemilih. Itu adalah kerja SPR, jadi kalau dia menunjukkan kad pengenalan yang kita kira adalah betul, maka kita terima. Tetapi kadangkala semasa kita menerima pendaftaran nombor kad pengenalan itu kadangkala ada yang tidak dapat dikenal pasti secara tepat. Ini memang kebiasaan, kadangkala tulisan kita sendiri pun kita hendak baca kali yang kedua, kita tidak boleh baca. Apatah lagi kalau pendaftar ini ramai ada seakan-akan nombor kad pengenalan itu ditulis dengan cara yang sama.

Jadi, kita tidak dapat membandingkan dengan siapa yang punya terus kita daftarkan. Itulah yang kadangkala kedapatan nombor kad pengenalan bertindih tetapi hakikatnya nombor kad pengenalan orang yang berkenaan apabila dia datang mengundi, namanya itu tentulah dia mengundi tetapi orang yang lain, yang bukan nombor kad pengenalannya, yang masuk itu tersilap. Jadi, mereka ini tidak akan keluar mengundi.

Jadi, sebab itulah dalam pilihan raya mana kedapatan 100% tiap-tiap kawasan pilihan raya yang hadir mengundi kerana ada sedikit kesilapan ini, maka mereka tidak akan datang mengundi. Jadi, yang datang mengundi itu betul-betul mereka yang benar-benar mengikut kad pengenalan dan mendaftar secara sah.

Selain daripada itu sekarang ini pengundi pos kita juga menggunakan cara yang ada sekarang tetapi kita cuba memantau dengan sebaik mungkin. Sekiranya kita hendak mengubah pengundi pos secara lain kita akan cuba meminda akta yang sedia ada yang telah kita luluskan. Pada hakikatnya memang kita beri kebebasan, kita bukan sahaja parti pembangkang yang tidak memerhatikan pengundi pos ini. Bahkan parti kerajaan pun tidak datang menyelia mereka. Jadi, keadilannya sudah ada, kalaulah sekiranya parti kerajaan sahaja melihat pengundi pos, bererti pembangkang tidak dibenarkan barulah perkara itu tidak betul. Pada hakikatnya parti kerajaan pun tidak dapat melihat bersama begitu juga pihak parti pembangkang, memang kita tidak dapat mengawal bersama pada masa-masa lepas mengenai undi PAS itu sendiri.

11. **Dato' Hon Choon Kim [Seremban]** minta Menteri Pertanian menyatakan adakah benar penternak ayam menggunakan bahan kimia '*chloramphenicol*' dan kesan terhadap kesihatan manusia dan tindakan yang diambil untuk mengatasinya.

Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]: Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan pemantauan yang dibuat oleh Kementerian Pertanian adalah didapati bahawa ada segelintir penternak ayam yang menggunakan bahan kimia *chloramphenicol*.

Walau bagaimanapun, perkara ini tidak berleluasa memandangkan daripada 1,745 sampel ayam yang diuji di antara tahun 1995 hingga bulan Jun 1999, hanya satu sahaja sampel yang mengandungi kesan *chloramphenicol*. *Chloramphenicol* boleh menyebabkan alahan di kalangan sesetengah orang seperti ruam, demam, bengkak muka, bayi yang terdedah dengan *chloramphenicol* secara berlebihan ini boleh menyebabkan sindrom *grey baby*, dengan izin, di mana berlaku kegagalan jantung, muntah-muntah, kembung perut, cirit dan sesak nafas. Ia juga boleh menyebabkan keadaan anemia atau kurang darah di kalangan mereka yang kekurangan enzim *glucose-6-phosphate dehydrogenase* (G6PD). Lain-lain kesan '*chloramphenicol*' adalah kerosakan urat saraf mata dan alat pendengaran.

Di bawah pindaan kepada Peraturan-peraturan Makanan 1985 yang dikuatkuasakan mulai 15 Januari 1998 makanan tidak dibenarkan mengandungi sebarang residu '*chloramphenicol*' dan ini selaras dengan peraturan antarabangsa *Codex Alimentarius* jika disabitkan kesalahan oleh mahkamah, denda sebanyak RM5,000 atau penjara sehingga dua tahun atau kedua-duanya sekali boleh dikenakan.

Sehubungan itu, Kementerian Pertanian sedang meneruskan usaha membendung serta menasihatkan para penternak supaya mengamalkan sistem penternakan yang baik termasuk tidak menggunakan bahan-bahan yang diharamkan untuk makanan ternakan seperti '*chloramphenicol*'. Aktiviti penguatkuasaan ke atas penggunaan '*chloramphenicol*' juga sedang diambil oleh Kementerian Kesihatan dengan kerjasama agensi-agensinya yang berkaitan.

Dr. Yap Yit Thong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selain daripada penternak ayam, penternak babi juga menggunakan bahan kimia seperti '*beta-agonists*'. Saya difahamkan masalah ini telah dikawal di bawah Akta Dadah yang baru diluluskan di Dewan yang mulia ini. Saya ingin bertanya pihak kementerian, adakah kemudahan-kemudahan perubatan untuk membuat penyiasatan kimia, serta adakah bilangan kakitangan yang mencukupi untuk melaksanakan penguatkuasaan?

Tengku Dato' Dr. Haji Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Lumut. Saya sebenarnya tidak ada perangkaan mengenai babi ini tetapi walau bagaimanapun, kementerian saya menerusi Jabatan Haiwan sentiasa membuat kajian dan sentiasa mengadakan *spot check* di antara satu tempat ke satu tempat tetapi sehingga ini ia tidak begitu serius sebagaimana yang saya katakan, pada ayam.

Dr. Lee Chong Meng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut pengalaman saya ubat '*chloramphenicol*' sudah lama tidak dipakai dalam industri penternakan. Saya pun hairan bagaimana keputusan yang dibuat oleh profesor itu diumumkan. Satu lagi iaitu ubat '*beta-agonies*' satu bahan perubatan untuk dipakai oleh manusia untuk penyakit asthma. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian bolehlah mengambil tindakan keras untuk mengharamkan ubat ini kerana kalau ubat '*beta-agonies*' digunakan dalam bidang penternakan, ia akan menjejaskan kesihatan manusia.

Tengku Dato' Dr. Haji Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Bintang. Mengenai '*beta-agonies*' ini, insya-Allah kementerian akan membuat kajian dan tindakan sewajarnya akan diambil.

Dr. Tan Seng Giaw: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, sudah dua soalan Yang Berhormat, cukuplah.
[*Ketawa*]

Tuan Haji Noh bin Omar: Doktor kulit, duduklah!

12. **Dr. Sanusi Daing Mariok [Rantau Panjang]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan, apakah persediaan dan langkah-langkah kerajaan selanjutnya bagi menghadapi isu-isu persidangan WTO penghujung tahun ini dan 'The Millennium Round' bagi memelihara dan melindungi kepentingan pelbagai pihak di negara ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria]: Tuan Yang di-Pertua, sebagai persediaan untuk menghadapi Persidangan Peringkat Menteri (WTO) di Seattle Amerika Syarikat yang akan berlangsung pada 30 November hingga 3 Disember 1999, Malaysia telah mengambil beberapa langkah iaitu di peringkat nasional, serantau dan antarabangsa.

Di peringkat nasional, pendirian negara dicapai melalui perbincangan di pelbagai forum yang meliputi antara lain jemaah menteri dan pegawai-pegawai kanan kerajaan. Ianya juga mengambil kira *input* daripada pelbagai pihak termasuk sektor swasta dan akademi supaya sebarang pendirian mengambil kira pandangan-pandangan yang relevan. Satu jawatankuasa tetap yang terdiri daripada agensi-agensi dan pihak-pihak yang relevan meneliti isu-isu yang berkenaan secara berterusan dalam memperakukan pendirian yang diambil oleh Malaysia.

Pendirian Malaysia mengenai isu-isu berkaitan dengan persidangan diutarakan di pelbagai forum. Ini meliputi di ASEAN, APEC, G15, Mesyuarat Asia-Eropah (ASEM), Persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Perdagangan dan Pembangunan (UNCTAD), Suruhanjaya Kerjasama Ekonomi dan Sosial Asia Pasifik (ASCKEP) dan *Islamic Development Bank* dan di WTO sendiri. Ia bertujuan memastikan kepentingan Malaysia diketahui dan diambil kira oleh lain-lain anggota WTO. Malaysia akan terus menyelaraskan pendekatan dan pendirian bersama lain-lain negara yang mungkin bersependapat dengan kita bagi isu-isu yang tertentu. Di Forum-forum tersebut, Malaysia telah menegaskan pentingnya program kerja WTO realistik dan seimbang. Keutamaan perlu diberikan terhadap menangani isu-isu pelaksanaan komitmen WTO serta kajian-kajian semula perjanjian-perjanjian WTO yang lalu.

Selain daripada itu kita akan terus menegaskan supaya sebarang rundingan baru dihadkan terutama sekali kepada bidang-bidang yang telah pun dipersetujui semasa pusingan Uruguay iaitu pertanian dan perkhidmatan serta isu-isu di mana terdapat konsensus di kalangan WTO. Oleh itu isu-isu yang tidak ada konsensus yang tidak relevan kepada WTO tidak patut dirundingkan. Di Persidangan WTO di Seattle kelak, Malaysia akan terus berperanan proaktif untuk memastikan kepentingan negara dipertingkatkan lagi.

[*Soalan No. 13 – Y.B. Tuan Liew Ah Kim (Seputeh) tidak hadir*]

14. **Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman [Sungai Benut]** minta Menteri Pertanian menyatakan:-

- (a) jumlah import bahan makanan untuk tahun 1997, 1998 dan hingga akhir September, 1999; dan
- (b) apakah langkah yang telah dan sedang diambil serta langkah jangka panjang di dalam usaha menjadikan Malaysia sebagai pusat pengeluaran makanan dunia seperti saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini.

Tengku Dato' Dr. Haji Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah import bahan makanan bagi tahun 1997 ialah RM10.050 bilion dan RM10.495 bilion bagi tahun 1998. Berdasarkan perangkaan sehingga bulan Julai 1999, dianggarkan import bahan makanan sehingga bulan September 1999 ini adalah sebanyak RM7.8972 bilion;
- (b) Langkah-langkah yang telah dan sedang diambil bagi jangka panjang adalah mengenal pasti pelaksanaan tiga strategi utama iaitu seperti berikut:
 - (i) meningkatkan pengeluaran dan penggunaan produk-produk tempatan secara meluas;
 - (ii) meneliti permintaan dan bekalan produk-produk pertanian yang diimport dan menggantikannya dengan produk yang boleh dikeluarkannya sendiri tertakluk kepada faktor ekonomi dan *agro climatic*;
 - (iii) mendapatkan bekalan alternatif daripada sumber pembekal yang lebih murah bagi bahan makanan yang tidak dikeluarkan disebabkan oleh faktor ekonomi dan *agro climatic* dalam negara;
 - (iv) sebagai langkah jangka panjang, Kementerian Pertanian juga telah merancang dan melaksanakan 15 program yang meliputi semua bidang dengan mengambil kira faktor-faktor yang terlibat dari peringkat pengeluaran hingga kepada pemasaran, infrastruktur, kecekapan teknologi dan R&D termasuk usaha-usaha meningkatkan publisiti bagi penyertaan petani dan swasta dalam sektor ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, beberapa kerajaan negeri telah mencadangkan tanah seluas 2,974 hektar untuk dizonkan sebagai taman kekal pengeluaran makanan dan 43,950 sebagai kawasan pembangunan aktiviti *aqua-culture*. FAMA telah juga mewujudkan mekanisme yang membolehkan para petani, nelayan dan penternak terlibat secara langsung dalam pemasaran hasil pertanian. Sistem Rangkaian Penjualan Terus juga telah diwujudkan oleh Jabatan Pertanian, LKIM dan LPP. Sehingga akhir tahun 1998, nilai jualan terus yang dijalankan oleh jabatan dan agensi di bawah Kementerian Pertanian ialah sebanyak RM161 juta. Pembinaan pasar borong yang baru juga sedang dirancang. Program-program ini telah pun beberapa kali disebut di dalam Dewan ini semasa menjawab soalan-soalan berkaitan dengan langkah-langkah pengeluaran makanan;

- (v) bagi memantau pelaksanaan ini, kementerian pada masa ini sedang menyediakan pelan pengeluaran makanan untuk memastikan sasaran pengeluaran makanan seperti yang ditetapkan dalam Dasar Pertanian Negara Ketiga (DPN3) akan dapat dicapai, insya-Allah.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya telah dimaklumkan bahawa negara kita mengimport banyak sayur-sayuran macam cili dan buah-buahan, bahkan barang-barang ini boleh ditanam di negara kita sendiri, umpamanya, lembu kita import juga. Jadi, saya menyambut baik penyelidikan yang telah kerajaan buat dan susulan kepada melihat barang makanan yang kita hendak import itu berlandaskan *demand* daripada *market* yang ada di negara kita. Ini mungkin berupaya mengurangkan makanan yang mungkin boleh kita tanam sendiri dan dijual di *market* dalam negara ini sendiri.

Persoalan yang saya hendak tanya dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah kenapakah kita masih membeli benda macam cili ini yang mana boleh ditanam di negara kita sendiri dan tidakkah kerajaan melihat secara jangka panjang macam mana hendak menternakkan lembu supaya kita tidak payah membeli lembu dari luar negara, bahkan buah durian yang kita import dari Thailand dan Indonesia masuk.

Tuan Yang di-Pertua, ekoran daripada persoalan itu, umpamanya dahulu Orang Putih hendak menjual epal ke seluruh dunia, dia kata, "*Eat an apple a day and keep the doctors away*" tetapi kempen untuk makan buah-buahan sekarang sudah reda dan saya lihat pengimportan buah-buahan macam epal, pear, kiwi fruits dan sebagainya telah melambung tinggi. Jadi, apakah tindakan susulan kerajaan supaya orang mula makan buah guava, buah pisang dan lain-lain buah tempatan yang mana zat dan khasiatnya serupa ataupun mungkin lebih baik dan lebih segar lagi daripada buah-buahan yang kita import. Macam epal, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat setahun dia simpan epal dia jual ke sini, bahkan epal itu sudah buruk tetapi *the preservative* nya itu begitu baik, orang makan kulit epal itu ada kesan *chemical*. Saya lihat sendiri benda ini, macam mana dia buat. Jadi, saya harap kementerian boleh mengambil perhatian.

Tengku Dato' Dr. Haji Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Batang Luar. Satu ingatan yang saya hendak beri ialah bahawa walaupun import kita ialah RM10.5 bilion tetapi dalam masa yang sama kita juga mengeksport lebih daripada RM5 bilion. Jadi, pada hakikatnya pengeluaran kita memang meningkat tetapi apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat memang ada kebenaran di mana kempen makan buah-buahan tempatan memang kementerian akan teruskan tetapi mengapa cili, lembu, durian dan sebagainya kita terpaksa import juga. Ini, pertamanya, dari segi *timing* nya. Kebanyakannya bila terlalu banyak sangat keluar, maka harga jatuh. Masa itu petani tidak mahu bertanam lagi. Jadi, selepas dua atau tiga bulan kekurangan bahan tetapi untuk hendak mengelakkan supaya harga jangan melambung, maka kita terpaksa import di luar negara untuk menampung keperluan. Kementerian sedang mengadakan terutama sekali ternakan lembu di dalam ladang kelapa sawit, insya-Allah dalam beberapa tahun akan datang kita harap pengeluaran lembu akan dapat kita tingkatkan

Soal buah durian ini, kita sedang mengerjakan menerusi R&D kita. Kebanyakan buah durian daripada negara jiran, ia masak dahulu. Jadi, musim kita tidak sama, musim kita baru berputik, di tempat dia sudah masak. Jadi, perangai orang-orang kita ini, dia suka makan benda yang tempat kita tidak ada lagi, dia suka makan. Jadi, sebab itu sudah makan kita import sampai RM20 milion buah durian. Kita sudah kenyang dengan durian luar, durian kita masak. Maka, harga kita tidak ada. Jadi, Ahli-ahli Yang Berhormat tolonglah

kempen, kata orang berpuasalah pada masa musim durian kita tidak masak, sehingga musim durian kita masak, baru makan. Jangan ada dalam rumah ini hendak makan dekat luar, kita 'okk' dahulu, kata orang Terengganu. [Ketawa]

Tuan Jimmy Donald: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meminta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah jenis barang-barang makanan yang kita eksport di mana kita mempunyai *competitive advantage*?

Tengku Dato' Dr. Haji Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Sri Aman. Yang banyak kita eksport ialah terutamanya buah-buahan seperti belimbing, rambutan dan juga sebahagian daripada buah-buah pisang dan sehingga ini memang oleh kerana kita mempunyai kualiti yang agak lebih baik, jadi kita tidak banyak sangat masalah persaingan. Walau bagaimanapun, usaha akan dijalankan oleh FAMA supaya kita melipat gandakan lagi untuk promosi terutama bagi R&D lepas tuai kerana kita banyak menghadapi kerosakan. Yang menjadi masalahnya ialah dari segi kualiti, kalau rambutan, sampai seminggu wajahnya itu sudah tidak begitu menyeronokkan lagi atau tidak begitu menarik. Jadi, sebab itu kementerian sedang menukar supaya kita kurangkan hantar rambutan tetapi kita akan hantar buah...apa ini namanya...rambutan....buah.....

Tuan Yang di-Pertua: Pulasan.

Tengku Dato' Dr. Haji Mahmud bin Tengku Mansor: Pulasan. Tuan Yang di-Pertua lebih bijak daripada saya. Saya nampak buah itu tetapi tidak berapa ingat ya. Kita ada banyak benih pulasan yang sedang kita keluarkan pada masa ini terutama oleh MARDI dan Jabatan Pertanian. Jadi, kalau Yang Berhormat bagi Kepong hendak tanam di rumah, bolehlah, boleh minta.

[Soalan No. 15 – Y.B. Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab) tidak hadir]

16. **Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]** minta menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan sama ada kementerian bercadang menambahkan peruntukan kewangan untuk menjayakan lagi program Gerakan Desa Wawasan. Apakah langkah-langkah baru yang akan diambil untuk menentukan program ini akan menjadi lebih berkesan setelah kementerian meneliti perjalanannya sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar [Dato' K. Kumaran]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan terus berusaha meningkatkan keberkesanan pelaksanaan program Gerakan Desa Wawasan termasuk menambah peruntukan kewangan untuk pembangunan Gerakan Desa Wawasan. Tahun hadapan satu Butiran baru iaitu Program Pengupayaan Gerakan Desa Wawasan telah diwujudkan dengan peruntukan sebanyak RM5.5 juta di bawah kementerian ini.

Matlamat program ialah untuk mempertingkatkan kecekapan pengurusan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung GDW (JKKK) menerusi pembekalan komputer, mempertingkatkan penggunaan bilik gerakan GDW di samping aktiviti kemasyarakatan. Peruntukan tersebut sebagai tambahan kepada peruntukan sebanyak RM5.181 juta untuk Rancangan Desa Wawasan dan projek kemasyarakatan di bawah KEMAS. Kementerian ini telah dan sedang mengambil beberapa langkah ke arah memperkemaskan lagi pelaksanaan program GDW termasuk meningkatkan kefahaman umum mengenai GDW. Latihan kepada JKK Kampung GDW serta memperkemaskan sistem penyelarasan dan pemantauan, pelaksanaan program khususnya di peringkat negara dan daerah.

Tuan Jimmy Donald: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin tahu sama ada kementerian ada rancangan untuk menukar fikiran mewujudkan satu *mental change* di kalangan rakyat di mana Gerakan Desa Wawasan ini diwujudkan, misalnya mungkin mengambil pensyarah-pensyarah yang

pakar dalam perkara *plan change*, perubahan yang terancang supaya bukan sahaja kita mengubah keadaan fizikal di kawasan itu tetapi juga sikap dan *mental change* rakyat di situ supaya mereka lebih menerima dan menukar arah pemikiran mereka terhadap cabaran-cabaran yang baru.

Dato' K. Kumaran: Tuan Yang di-Pertua, apa yang Yang Berhormat cadangkan itu sedang dilakukan sekarang melalui institusi yang kita ada

17. **Tuan Che Ibrahim bin Mustafa [Sungai Petani]** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan, mengapa kedatangan pelancong asing terutama dari Jepun dan negara Arab ke Malaysia semakin berkurangan berbanding negara-negara ASEAN lain dan apakah langkah-langkah sesuai yang diambil untuk menanganinya.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Teng Gaik Kwan]: Tuan Yang di-Pertua, jumlah kedatangan pelancong asing termasuk pelancong Jepun ke Malaysia bagi tahun 1998 sememangnya berkurangan jika dibandingkan dengan jumlah kedatangan pada tahun 1997.

Pada tahun 1998 Malaysia telah merekodkan kedatangan pelancong asing berjumlah 5.5 juta orang iaitu merosot 10.6% berbanding tahun 1997. Kedatangan pelancong Jepun dalam tahun yang sama juga berkurangan kepada 252,178 orang iaitu berkurangan sebanyak kira-kira 18% berbanding dengan tahun sebelumnya.

Kemerosotan ini di antara lain adalah berpunca dari krisis ekonomi yang melanda negara-negara di rantau ini dan publisiti negatif mengenai beberapa wabak penyakit sebelum ini. Sungguhpun begitu, kedatangan pelancong dari Asia Barat bagi tahun 1998 seramai 23,854 orang adalah 17% lebih tinggi dari tahun 1997. Kedatangan para pelancong asing bagi bulan Januari hingga Julai 1999 berbanding dengan tempoh yang sama tahun lalu juga turut meningkat iaitu seramai 3.75 juta yang merupakan peningkatan sebanyak 35.5% berbanding dengan tahun lalu.

Kedatangan pelancong Jepun bagi tempoh yang sama tahun ini juga meningkat kira-kira 27%. Walau bagaimanapun, kedatangan pelancong dari Asia Barat berkurangan sedikit sebanyak kira-kira 11.4%.

Langkah-langkah yang diambil untuk menangani kejatuhan kedatangan pelancong-pelancong asing ialah kerana langkah yang penting, yang memerlukan perhatian semua pihak adalah dalam sektor awam dan swasta. Sehubungan ini, sektor pelancongan telah dikenal pasti sebagai satu sektor yang amat penting, yang mempunyai potensi yang baik untuk membantu negara dalam usaha pemulihan tersebut.

Nilai ringgit kompetitif pelbagai produk pelancong yang sedia ada dan infrastruktur yang baik bagi memberi nafas kepada sektor ini bukan sahaja untuk menarik lebih ramai pelancong asing bagi melawati Malaysia, bahkan yang lebih penting lagi untuk mencetuskan pelbagai peluang pelancong di kalangan rakyat negara ini sendiri.

Bagi mencapai matlamat ini, kementerian telah pun mengambil pendekatan baru dan program-program penggalakan pelancongan dengan memberi penekanan kepada:-

- (i) melaksanakan pelbagai aktiviti dan program promosi dengan memberi tekanan kepada pasaran-pasaran yang boleh memastikan pulangan segera dari segi kedatangan pelancong ke negara ini. Pasaran-pasaran tersebut ialah pasaran yang kurang menerima kesan krisis ekonomi seperti Asia Barat, India, Jepun, United Kingdom, Jerman, Australia dan Amerika Syarikat dan pasaran-pasaran serantau seperti Singapura, Thailand, Indonesia, Brunei Darussalam, China, Hong Kong, Taiwan dan India;

- (ii) meningkatkan aktiviti lawatan suaikenal bagi wakil media asing, crew TV, perfileman serta pengusaha-pengusaha pelancongan ke Malaysia secara kumulatif. Dari bulan Januari 1999 sejumlah 1,112 orang telah dibawa ke Malaysia di bawah program ini;
- (iii) mempromosikan kejohanan sukan bertaraf dunia seperti Kejohanan Golf Amateur Berpasukan Sedunia, Kejohanan Golf Piala Dunia dan Petronas Malaysia Formula One Grand Prix;
- (iv) merancang dan menganjurkan program-program promosi pesta dan acara-acara lain peringkat nasional seperti perarakan Citrawarna yang berlangsung pada 16 Oktober 1999;
- (v) melancarkan kempen promosi antarabangsa yang bertemakan Malaysia Through ReAsia untuk meletakkan Malaysia sebagai destinasi pelancongan terulung di peringkat serantau dan antarabangsa; dan
- (vi) melaksanakan kempen promosi yang agresif bagi menggalakkan pelancongan domestik. Kempen ini akan berlanjutan untuk tempoh dua tahun dan bertujuan untuk menerapkan nilai budaya cuti terancang dan menjadikan percutian satu keperluan hidup rakyat Malaysia.

Untuk menggerakkan kempen pelancongan domestik dan menjamin kejayaannya, kerjasama akhbar-akhbar utama tempatan dan tiga akhbar di Singapura telah digembleng untuk attractive kempen tersebut dengan menerbitkan keluaran khas mingguan atau bulanan mengenai tempat-tempat menarik di Malaysia. Sekian.

[Soalan No. 18 – Y.B. Tuan Yunus bin Rahmat [Jelebu] tidak hadir]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sudah habis soalan kita jawab pada hari ini.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 1, 2, 4, 13, 15 dan 18 dijilid dalam buku berasingan]

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

11.00 pagi

Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Adakah Tuan Yang di-Pertua dapat maklumat bila akan dapat berita mengenai pembubaran Parlimen? *[Ketawa]* Oleh kerana dengan pembatalan lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Persidangan CHOGM dan kemungkinan yang sangat besar, tidak guna persidangan diteruskan, bukan sahaja hari ini empat minggu membazir, sia-sia, tidak ada jawapan daripada menteri kalau dibubarkan. Bukankah lebih baik kita dapat satu jawapan sama ada Parlimen akan dibubar atau tidak dibubar, kalau akan dibubar supaya tidak membazirkan wang dan masa Ahli Parlimen semua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Ahli-ahli Yang Berhormat, saya sendiri tidak tahu, Yang Berhormat. *[Ketawa]*

Seorang Ahli: Takutkah?

Tuan Lim Kit Siang: Tak mahu buang masa.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2000

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 2000

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2000 dibacakan kali yang kedua sekarang" dan "Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

"Bahawa Dewan ini mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih dua puluh empat bilion enam ratus tujuh puluh empat juta dua ratus sembilan puluh dua ribu ringgit (RM24,674,292,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2000, bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 2000 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 14 Tahun 1999 adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut hendaklah disahkan." [9 November 1999]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat bagi Gelang Patah, sila berucap.

11.07 pagi

Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberikan peluang kepada saya untuk membahaskan Akta Perbekalan untuk tahun 2000.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan I kerana membentangkan satu Belanjawan yang terus komited kepada usaha-usaha pengagihan kekayaan negara yang lebih saksama. Selepas Belanjawan 2000 dibentangkan, sebuah akhbar tempatan mensifatkan Belanjawan itu sebagai "*Belanjawan Super Tanpa Derita*".

Saya amat bersetuju dengan kata-kata demikian, ini adalah kerana penggubalan Belanjawan ini telah mengambil kira keperluan semua lapisan masyarakat dan cadangan-cadangan telah dibuat untuk membantu merealisasikan aspirasi rakyat tanpa mengenakan beban kewangan yang baru.

Seperti mana yang dijangkakan, pihak pembangkang memperkecilkan hasrat murni kerajaan dan mengkritik Belanjawan rakyat ini sebagai taktik kerajaan untuk memancing undi menjelang pilihan raya umum. Walau bagaimanapun, saya yakin rakyat Malaysia yang bijaksana akan dapat memahami bahawa Belanjawan ini sebenarnya merupakan kesinambungan tradisi membela rakyat Kerajaan Barisan Nasional. Keistimewaan Belanjawan 2000 tidak akan tercacat sungguhpun terdapat segelintir orang tidak dapat menghayatinya.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 2000 menyediakan peruntukan yang agak banyak untuk menggalakkan kerja-kerja penyelidikan dan pembangunan (P&P). Ini termasuklah peruntukan melebihi RM210 juta untuk program, dengan izin, *Intensification of Research in Priority Areas* (IRPA) serta peruntukan khas untuk beberapa agensi bagi menjalankan kajian dan penyelidikan tertentu. Saya menyokong sepenuhnya pelaburan bagi memperhebatkan kegiatan P&P dalam negeri selaras dengan kemajuan sains dan teknologi.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita pernah menyatakan harapan agar rakyat Malaysia dapat memenangi hadiah Nobel menjelang tahun 2020. Ini merupakan satu cabaran kepada institusi-institusi pengajian tinggi serta agensi-agensi penyelidikan di Malaysia. Walaupun memenangi hadiah tertentu tidak patut dijadikan matlamat untuk kita menceburi sesuatu kegiatan, kita patut sedar bahawa aktiviti-aktiviti P&P di Malaysia harus diberi penekanan yang sewajarnya sekiranya kita mahu menjadi negara maju.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ir. Ong Tee Keat) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Pelaburan dalam aktiviti P&P menjadi bertambah kritikal dalam konteks peralihan paradigma ekonomi daripada ekonomi yang berasaskan pengeluaran kepada ekonomi yang berasaskan pengetahuan. Kita akan tertinggal di belakang dalam dunia ekonomi yang berasaskan pengetahuan jika kita hanya tahu menggunakan pengetahuan dan teknologi yang dihasilkan oleh negara-negara lain, sedangkan kita sendiri tidak dapat membekalkan pengetahuan dan teknologi untuk digunakan oleh negara-negara lain.

Tuan Yang di-Pertua, masyarakat dunia telah menyambut baik cadangan Malaysia mendirikan Koridor Raya Multimedia (MSC). Kita mesti mengakui bahawa projek MSC ini telah dilancarkan dengan jayanya. Akan tetapi kejayaan jangka panjang projek raksasa ini banyak bergantung kepada komitmen serta prestasi kita dalam aktiviti-aktiviti P&P yang berkaitan dengan teknologi maklumat.

Projek MSC tidaklah cuma sebagai satu platform untuk negara-negara maju mempamerkan kecanggihan teknologi maklumat dan komputer mereka. Kita sendiri juga harus menyumbang kepada kemajuan teknologi maklumat dan komputer dengan mengendalikan program-program P&P yang terancang dalam bidang teknologi maklumat.

Tuan Yang di-Pertua, Ucapan Belanjawan 2000 yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan Pertama telah mengakui impak kemajuan teknologi terhadap pembangunan produk proses pengeluaran serta sistem pemasaran. Ini bermakna selain daripada bidang teknologi maklumat, aktiviti P&P harus dijalankan dalam semua sektor ekonomi sekiranya kita tidak mahu melihat syarikat-syarikat atau firma-firma tempatan tercicir dalam persaingan sengit yang berasaskan pengetahuan.

Oleh yang demikian, pihak swasta harus digalakkan untuk turut menceburi aktiviti penyelidikan dan pembangunan agar hasil-hasil penyelidikan dapat dimanfaatkan bagi memperbaiki kualiti barangan atau perkhidmatan masing-masing.

Sehubungan itu, saya berharap pihak kerajaan dapat mempertimbangkan untuk memberikan potongan cukai kepada syarikat yang bersedia melabur semula keuntungan mereka dalam aktiviti penyelidikan dan pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam bidang pendidikan, saya ingin sentuh bahawa ahli-ahli sains dan penyelidik-penyelidik yang terlibat dalam aktiviti P&P perlu dilahirkan melalui sistem pendidikan yang terancang. Di samping itu, pendidikan yang berkesan untuk rakyat Malaysia juga akan mempertingkatkan kemahiran serta keupayaan individu di samping mempertingkatkan daya pengeluaran semua sektor ekonomi secara amnya. Oleh itu, saya menyokong cadangan menyediakan peruntukan sejumlah RM14.08 bilion dalam

tahun 2000 bagi membiayai program pendidikan dan menyediakan prasarana pendidikan berkualiti.

Sememangnya pelaburan dalam bidang pendidikan merupakan satu pelaburan yang bijak bagi menjamin masa depan yang cerah untuk bangsa Malaysia. Cita-cita Malaysia untuk menjadi pusat kecemerlangan pendidikan di rantau ini juga menuntut pelaburan dalam bidang pendidikan yang terancang.

Tuan Yang di-Pertua, sejajar dengan usaha kita mempromosi Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan, kerajaan perlu meneruskan dasar pendidikan yang terbuka. Penggunaan bahasa Malaysia di semua peringkat pengajian perlu digalakkan. Namun, penguasaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar juga tidak boleh diabaikan supaya mereka dapat berkomunikasi dengan berkesan di peringkat antarabangsa.

Kepetahan Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri kita berucap dalam bahasa Inggeris di pelbagai persidangan peringkat Asean, mahupun antarabangsa langsung tidak mendatangkan kesan negatif terhadap imej atau kedaulatan negara. Sebaliknya, masyarakat dunia merasa kagum dengan kebolehan rakyat Malaysia menguasai lebih daripada satu jenis bahasa. Di samping itu, dunia antarabangsa juga merasa lega kerana mereka tahu mereka tidak akan menghadapi masalah komunikasi sekiranya mereka ingin mengadakan hubungan perdagangan dengan rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, komposisi penduduk Malaysia yang majmuk juga menghendaki dasar pendidikan negara ini turut memberi perhatian terhadap pembelajaran bahasa ibunda masing-masing kaum. Sikap terbuka Kerajaan Barisan Nasional terhadap perkembangan sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan (Cina) dan (Tamil) perlu diteruskan. Persetujuan pihak kerajaan menubuhkan lima buah sekolah rendah jenis kebangsaan (Cina) baru baru-baru ini di seluruh negara bagi mengurangkan kesesakan pelajar di sesetengah sekolah di kawasan bandar menunjukkan bahawa Kerajaan Barisan Nasional sentiasa prihatin terhadap persekitaran persekolahan generasi akan datang.

Sesungguhnya keadaan sekolah yang terlalu sesak akan menjejaskan proses pembelajaran para pelajar dan secara tidak langsung membantut usaha pembangunan sumber manusia negara, di samping itu, keputusan pihak kerajaan membenarkan perpindahan 15 buah sekolah rendah jenis kebangsaan (Cina) dari kawasan estet yang tidak mempunyai ramai pelajar ke kawasan yang menghadapi masalah kesesakan pelajar merupakan satu tindakan bijak yang mengoptimalkan penggunaan sumber.

Saya berharap pihak kerajaan akan dapat terus mengambil pendekatan yang fleksibel berhubung dengan soal pengagihan sumber bagi tujuan pembangunan dan perkembangan institusi-institusi pendidikan di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita sedia maklum, setiap projek perumahan yang baru akan menyediakan keluasan tanah yang tertentu bagi maksud rizab pendidikan. Tanah-tanah rizab pendidikan untuk sekolah rendah harus dibahagikan di antara sekolah-sekolah rendah kebangsaan dan jenis kebangsaan mengikut keperluan masing-masing. Tidak lama dahulu Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor telah mengarahkan agar sebidang tanah rizab pendidikan di Bandar Baru Seri Alam, diperuntukkan kepada Sekolah Jenis Kebangsaan China Lam Heng, yang akan dipindahkan keluar dari sebuah estet. Ini merupakan satu tindakan yang harus dipuji dan juga selari dengan Dasar Pendidikan Negara yang terbuka.

Tuan Yang di-Pertua, mahu ataupun tidak, kita mesti mengakui bahawa masih terdapat sesetengah pihak yang merasa kurang senang hati dengan kewujudan sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan di negara ini. Mereka ini berpendapat kononnya kewujudan sekolah-sekolah ini, yang menggunakan bahasa ibunda kaum Tionghua atau kaum India sebagai bahasa pengantar akan memecahbelahkan masyarakat Malaysia yang

majmuk. Mujurlah kita mempunyai pemimpin-pemimpin yang tidak terpengaruh dengan fahaman yang ekstrim ini. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah berkali-kali menjelaskan bahawa rakyat Malaysia yang mendapat pendidikan bahasa ibunda langsung tidak mendatangkan sebarang masalah kepada proses penyatupaduan rakyat Malaysia yang berbilang kaum. Mereka ini juga turut menyumbang kepada pembangunan negara dalam semua bidang.

Dalam saat-saat genting semasa krisis ekonomi baru-baru ini, rakyat Malaysia tanpa mengira latar belakang pendidikan juga telah bersatu hati, menggembeng tenaga, membantu negara keluar dari belunggu krisis. Adalah menjadi harapan semua agar pihak kerajaan akan terus bersikap liberal terhadap pendidikan bahasa ibunda di negara ini. Sesungguhnya kewujudan sebuah masyarakat majmuk yang dapat berkomunikasi menggunakan beberapa bahasa merupakan satu eset kepada negara dalam era globalisasi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam bidang industri kecil dan sederhana, saya ingin sentuh bahawa kita juga harus menyokong cadangan Belanjawan 2000 agar keutamaan terus diberikan kepada usaha memodenkan industri kecil dan sederhana. Saya menyambut baik usaha mengkaji semula syarat-syarat kelayakan untuk mendapatkan bantuan kewangan daripada beberapa dana yang ditubuhkan bagi tujuan membantu usahawan-usahawan kecil. Walau bagaimanapun, kita perlu sedar bahawa sumber kewangan yang mencukupi cuma merupakan salah satu faktor kejayaan IKS.

Saya berharap pihak kerajaan juga dapat menyediakan bantuan dalam bentuk teknikal kepada para usahawan. Ini termasuklah pendedahan tentang cara pengeluaran dan pengurusan perniagaan yang *cost effective*. Kerajaan juga boleh membantu memasarkan hasil-hasil pengeluaran IKS secara strategik, membantu para usahawan IKS berjaya dalam perniagaan masing-masing. Bukan sahaja menjana keuntungan kepada usahawan-usahawan, pihak kerajaan juga akan mendapat faedah daripada kadar bayar balik pinjaman yang tinggi dan ini membolehkan dana negara yang terkumpul disalurkan untuk membantu lebih ramai usahawan.

Saya juga menyokong sepenuhnya program Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) serta Yayasan Tekun Nasional yang menyediakan pinjaman yang menggalakkan lebih ramai rakyat Malaysia menceburi aktiviti perniagaan atau usahawan kecil. Ini merupakan satu tindakan yang bererti untuk mengagihkan kekayaan negara dengan lebih saksama. Pada pendapat saya, salah satu masalah yang menghalang kejayaan program-program yang dirumus untuk membantu orang ramai memulakan perniagaan sendiri adalah disebabkan ramai orang tidak tahu tentang kewujudan program-program atau dana-dana yang berkaitan. Justeru itu, pegawai-pegawai daripada jabatan-jabatan yang terlibat harus mengadakan ceramah di seluruh negara untuk menerangkan kepada kumpulan sasaran tentang jenis-jenis bantuan yang disediakan serta bagaimana untuk mendapat bantuan yang diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil peluang keemasan di dalam Dewan ini, harap pihak kerajaan mengambil perhatian berat dan mengambil tindakan yang lebih berkesan untuk membanteras masalah-masalah sosial seperti:

- (a) penyalahgunaan dadah dan pil khayal *ecstasy*;
- (b) pusat-pusat perjudian haram mesin slot;
- (c) kegiatan-kegiatan jenayah yang kian berleluasa; dan
- (d) ancaman kongsi-kongsi gelap.

Tentang penyalahgunaan dadah dan pil khayal *ecstasy*, bilangan pusat hiburan berlesen dan tanpa berlesen, yang terlibat dengan pil khayal *ecstasy* kian meningkat ke satu tahap yang amat membimbangkan kerana ia pasti menjahanamkan generasi muda kita

kerana golongan pemuda-pemudi antara umur 15 hingga 30 tahun terlibat dalam penyalahgunaan dadah ini. Kebanyakan pusat hiburan terutamanya yang haram terlibat dalam penjualan pil khayal *ecstasy*, menjual pil-pil itu kepada pemuda-pemudi serta membenarkan mereka berdisko dari lewat malam sehingga awal pagi – 6 hingga 9 pagi pada keesokan harinya. Tindakan tegas perlu dilaksanakan terhadap pengedar dan penjual pil khayal *ecstasy*, mengikut peruntukan-peruntukan undang-undang dalam Akta Dadah Merbahaya.

Yang kedua, tentang pusat-pusat perjudian haram mesin slot. Masalah peningkatan secara mendadak bagi pusat-pusat perjudian haram terutama di daerah Johor Bahru telah menjadi satu isu yang hangat diperbincangkan di kalangan masyarakat pada masa sekarang. Apa yang lebih menakjubkan kita ialah para pengusaha secara terbuka menulis perkataan Cina "*Pusat Permainan Elektronik – er ten ser yu shi chong sing*", dengan izin, pada pintu masuk walaupun jenis perniagaan mereka adalah haram. Di samping itu, orang ramai turut mempertikaikan penyeragaman tanda simbol seperti BJ888, K17 dan lain-lain lagi di depan pintu masuk dan ianya seolah-oleh mempunyai maksud tersirat kepada pihak-pihak tertentu. Sebahagian pelanggan-pelanggan telah dimaklumkan oleh para pengusaha pusat-pusat perjudian mesin slot bahawa simbol-simbol tersebut mempunyai makna tersendiri serta berunsur perlindungan.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi penguatkuasaan orang ramai berpendapat bahawa cara penguatkuasaan yang digunakan sekarang kurang efektif kerana sebelum pegawai-pegawai polis dan pegawai-pegawai penguatkuasaan yang lain menyerbu pusat-pusat perjudian haram mesin slot, ramai pengusaha lebih cepat menerima khabar mengenai tindakan penguatkuasaan dan pusat-pusat tersebut akan ditutup sebelum pihak berkuasa dapat mengambil sebarang tindakan terhadap mereka. Dalam sesetengah kes, litar elektronik atau *motherboard* yang terdapat dalam mesin slot telah dikeluarkan terlebih dahulu oleh para pengusaha dan barang-barang rampasan oleh pihak berkuasa cumalah kotak dan skrin mesin slot sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, daripada analisa Persatuan Tionghua, Johor Bahru, masalah kewujudan pusat-pusat perjudian haram mesin slot telah menghasilkan kesan buruk kepada masyarakat. Antaranya ialah, satu, para pelajar ketagih dengan aktiviti perjudian slot mesin sehinggakan mereka sanggup ponteng sekolah dan mencuri wang ibu bapa dan rakan-rakan untuk berjudi. Sesetengah ibu bapa mendedahkan bahawa kadangkala anak-anak mereka kalah judi beratus-ratus ringgit sehari.

Yang kedua, orang dewasa yang bergaji tetap turut berjudi di pusat-pusat perjudian haram *slot machine*. Ada di antara kaum isteri mengadu bahawa suami mereka tidak memberi sebarang wang untuk sara hidup sekeluarga kerana suami telah kalah judi sebaik sahaja menerima gaji bulanan.

Yang ketiga, beberapa buah pusat perjudian haram *slot machine* memaparkan perkataan 'kedai buku' di papan iklan padahal tiada sebuah buku pun di dalam kedai tersebut dan yang wujud cumalah *slot machine* sahaja. Taktik ini dianggap kurang beretika dan ianya semata-mata untuk mengelak daripada dikenakan tindakan penguatkuasaan oleh pihak-pihak berkuasa.

Yang keempat, sesiapa yang berani mengadu kepada pihak berkuasa atau media massa sering diugut oleh pengusaha pusat-pusat perjudian haram *slot machine* dan kadangkala kenderaan mereka telah dirosakkan oleh pengusaha serta konco-konconya.

Tuan Yang di-Pertua, tentang Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang berkaitan dengan ke arah menyeragamkan dasar pihak berkuasa tempatan, didapati peraturan dan dasar yang dilaksanakan oleh pihak berkuasa tempatan di negara kita masih berbeza mengikut kawasan seolah-olah kawasan-kawasan di negara ini begitu ketara tidak sama dari segi geografi, politik, dan sosio-ekonominya. Perkara ini sangat menghairankan

kita, ia boleh memberi gambaran kepada rakyat jelata berbilang kaum kita dan orang-orang asing bahawa negara kita terlalu mempunyai banyak peraturan dan undang-undang. Ini akan menyulitkan rakyat jelata berbilang kaum. Kita akui peraturan-peraturan dan undang-undang adalah perlu sebagai langkah mengawal tindakan rakyat. Tetapi jika tidak seragam dan terlalu dititikberatkan dan terikat dengannya, ia akan menjadi faktor penghalang kepada kemajuan.

Tuan Yang di-Pertua, peraturan-peraturan dan undang-undang pihak berkuasa tempatan perlu diringkaskan untuk membolehkan segala urusan bejalan lancar berpandukan amalan bersih, cekap dan amanah. Umpamanya, seseorang peniaga hanya boleh mendapatkan lesen perniagaan dalam tempoh di antara tiga hingga satu tahun atau lebih satu tahun berbeza mengikut negeri. Mengapa tidak ia dipendekkan kepada satu bulan bagi semua pihak berkuasa yang mengeluarkan lesen yang sama. Jika sebelum ini proses permohonan melalui beberapa lapisan, peraturan dan dasar baru hendaklah dikurangkan kepada lapisan paling minimum. Dasar dan peraturan pihak berkuasa tempatan turut memberi kesan nyata kepada penjaja dan peniaga kecil. Golongan itu boleh dikatakan sering keliru dengan pelbagai peraturan dan dasar yang dikenakan. Ketika peniaga berkenaan merujuk masalah yang sama sebagaimana dialami sahabat mereka di negeri lain, mereka mungkin mendapati apa yang dilarang di tempat mereka dibenarkan di tempat lain. Oleh itu masalah yang dihadapinya terpaksa diselesaikan cara lain.

Isu penyeragaman dasar dan peraturan mengenai penjaja dan peniaga kecil pihak berkuasa tempatan pernah dibangkitkan dalam Mesyuarat Kabinet. Kita harap segala perubahan tentang dasar dan peraturan penjaja dan peniaga kecil dapat diseragamkan untuk semua pihak berkuasa tempatan dengan secepat mungkin setelah dapat perhatian serius daripada kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang menunjukkan bahawa pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan masih belum dapat mencapai matlamat penyeragaman undang-undang dan peraturan-peraturan pihak berkuasa tempatan adalah berkenaan pindaan Seksyen 102 (S) Akta Kerajaan Tempatan, Akta 171 yang mana masih terdapat sebanyak 70 pihak berkuasa tempatan masih belum menerima pakai pindaan itu sejak pindaan itu diadakan pada 12 Mei 1983 dan diwartakan pada 1 Januari 1986. Oleh kerana itu kes-kes penyalahgunaan kuasa dan kesalahan-kesalahan dalam tugas-tugas penguatkuasaan undang-undang sering berlaku akibat kegagalan meminda undang-undang kecil, trade perniagaan industri dan profesion pihak berkuasa tempatan sejajar dengan tujuan pindaan Seksyen 102 (S) Akta Kerajaan Tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, adalah sukar bagi kita memahami mengapa perlunya peraturan dan dasar yang berbeza sedangkan kita berada di sebuah negara yang mengamalkan satu sistem. Jika semua pentadbiran menguruskan daerah masing-masing dengan cara yang berbeza, bermakna tidak ada penyelarasan fungsi yang nyata. Kita harap pihak berkuasa tempatan akan berusaha mempertingkatkan mutu dan kecekapan pentadbiran, mempunyai peraturan-peraturan yang jelas, mengurangkan kerenah pentadbiran dan birokrasi yang sia-sia demi kepentingan rakyat.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya harap kerajaan mesti sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan kecekapan dan ketelusan dalam jentera pentadbiran kerajaan di peringkat persekutuan, negeri dan daerah. Ketua-ketua jabaan kerajaan di pelbagai peringkat mesti berusaha membanteras rasuah dan penyelewengan kuasa di kalangan pegawai-pegawai kerajaan. Mereka mesti berusaha mengatasi segala kelemahan dalam semua aspek bidang pentadbiran bagi meningkatkan kawalan dalaman, kecekapan, ketelusan, integriti dan *accountability* dalam perkhidmatan jabatan masing-masing. Kewujudan pentadbiran kerajaan dan perkhidmatan awam yang cekap, berdisiplin serta mempunyai integriti yang paling tinggi adalah sangat penting sejajar dengan matlamat-matlamat wawasan 2020. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Kepong.

11.36 pagi

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasihlah kerana beri saya peluang untuk berucap di dalam sesi Parlimen, mungkin yang terakhir.

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ini dengan perasaan campur-baur. Yang Berhormat Menteri Kewangan telah mengambil kesempatan untuk membidas parti-parti alternatif serta memberi pelbagai imbuhan kurniaan dan insentif yang lebih daripada 30 maksudnya. Dengan bahang pilihan raya umum sekarang, pemberian-pemberian besar ini merupakan umpan-umpan untuk pilihan raya. Jumlah perbelanjaan adalah dianggarkan RM78 bilion dan jumlah anggaran hasil ialah tidak sampai RM60 bilion. Ini bermakna defisitnya ialah lebih RM18 bilion yang merupakan defisit yang terbesar di dalam sejarah Belanjawan Malaysia. Pada tahun akan datang, defisit ini akan lebih besar lagi, lebih daripada RM18 bilion. Dari manakah kerajaan akan mencari wang untuk menampung defisit yang besar ini?

Tuan Yang di-Pertua, saya ada dengar ucapan-ucapan daripada Ahli-ahli Parlimen termasuk yang berucap pada hari Selasa, Gelang Patah tidak ada, tidak membidas sesiapa, baiklah. Tetapi saya nampak daripada Machang pun dan tiga orang yang mukanya besar di dalam akhbar semalam [*Sambil menunjukkan akhbar*], bukan main, banyaklah, daripada Seremban pun ada. Jadi nampaknya, Tuan Yang di-Pertua, kita perlulah adakan satu peraturan di dalam Dewan ini supaya janganlah kita menumpukan kepada hal-hal parti politik sahaja.

Tuan Yang di-Pertua,

*Pergi ke hulu mencari rebung;
Gulai bersama ikan tenggiri;
Kalau selalu bercakap bohong;
Lama-lama jadi pencuri. [Disampuk]*

Lama-lama jadi pencuri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Machang bangun.

Dato' Haji Sukri bin Mohamed: Boleh saya balas dengan pantun?

Dr. Tan Seng Giaw: Boleh juga.

Dato' Haji Sukri bin Mohamed: Boleh ya. Penjelasan dengan pantun Yang Berhormat.

*Orang sekarang tidak serupa dulu;
Tengok orang jeling ekor mata;
Sepuluh tahun sudah berlalu;
Tidak buat apa satu, perintah Kelantan, makan gaji buta.*

Betul tidak? [*Beberapa ahli ketawa*]

Dr. Tan Seng Giaw: Itu tafsiran Machang. Tetapi sebelum dia bertukar arah aliran itu dia puji. Inilah masalah. Pada masa dahulu, dia puji, sekarang tidak, itulah masalah kita sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, daripada imbuhan-imbuhan yang ada sekarang, memang saya ada tengok benda yang baik juga seperti peruntukan untuk pendidikan RM14 billion.

Itu memang perkara yang baik cuma ada sedikit sebanyak yang tidak sempurna lagi misalnya peruntukan bagi universiti-universiti. Sepuluh universiti, saya nampak daripada peruntukan itu tidak dapat peruntukan pembangunan bagi universiti kecuali Universiti MARA, UNIMAS dapat sedikit tetapi universiti-universiti lain tidak dapat, ini satu kelemahan. Tetapi walau bagaimanapun, ada banyak imbuhan itu tidak semestinya diberikan galakan atau insentif ataupun rangsangan kepada ekonomi. Jika tidak, bukan semua yang baik.

Tuan Yang di-Pertua,

Manis sungguh tebu seberang;

Dari akar sampai ke pucuk;

Manis sungguh mulut orang;

Terkena tipu di dalam pujuk.

'Tuan-tuan' dan 'puan-puan' sekalian...*[Beberapa Ahli ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, ini bukan di khalayak ramai *[Beberapa Ahli ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw: *[Ketawa]* Ceramah, setiap malam ceramah.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menarik perhatian mengenai apa yang berlaku sekarang daripada Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat bagi Kubang Pasu yang sudah membatalkan lawatan ke Afrika Selatan untuk menghadiri Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel. Tidak bagi alasan mengapa tidak dapat datang, cuma kita boleh lihat pagi ini ramai yang tidak hadir kerana bimbang kalau-kalau ada pengumuman pembubaran Parlimen sekarang.

Walau bagaimanapun, saya berharap Yang Amat Berhormat bila-bila sahaja akan umumkan pilihan raya, beliau akan berlagak sebagai *statesman*, negarawan, Perdana Menteri yang keempat sebagai negarawan.

Pada beberapa bulan yang lepas, Yang Amat Berhormat ada mengatakan pilihan raya akan datang akan menjadi pilihan raya umum yang paling kotor di dalam sejarah Malaysia. Sebagai negarawan, saya berharap Yang Amat Berhormat dapat memastikan pilihan raya akan datang sebagai pilihan raya yang paling bersih di dalam sejarah Malaysia. Yang Amat Berhormat mempunyai kemampuan untuk berbuat demikian bermula dari lawatan ke seluruh negara. Kalau lawatan ini sebagai Perdana Menteri, saya setuju, saya sambut tetapi lawatan ini sebagai sebuah kerajaan bukan sebuah parti atau Barisan Nasional, bukan.

Lawatan ini mesti digunakan dengan sebaiknya untuk mempertahankan negara bukan untuk berpolitik sahaja. Setiap malam kalau kita menonton TV, ehmm.... habis! Kalau *Warta Berita*, 10 minit permulaannya, tiada berita lain cuma pemberian, kebaikan Barisan Nasional, penyayang, pemurah hati Barisan Nasional, itu sahaja. Jadi kita ubahkan sedikit, kalau satu dua ayat boleh terima tetapi kalau beribu-ribu atau berjuta-juta ayat untuk memuji Barisan Nasional seolah-olah gading itu tidak ada retak langsung. Semua pemimpin Barisan Nasional itu insan yang kamil sahaja, tidak ada yang salah, tidak ada yang cacat cela langsung, itu mustahil.

Anak merpati di sambar helang;

Terbang kedidi di dalam rumah;

Harimau mati meninggalkan belang;

Manusia mati meninggalkan nama.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Ya Yang Berhormat, Timbalan Menteri bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Hendak balas?

Dato' Haji Azmi bin Khalid : Ya terima kasih Yang Berhormat. Tadi Yang Berhormat menyebutkan seolah gading pun mesti ada retak walaupun sedikit, saya faham begitu. Bermaknanya, pada keseluruhannya pentadbiran Barisan Nasional adalah amat baik walaupun ada keretakan yang halus ianya seolah retak macam rambut sahaja seperti retak gading. Jadi maknanya dalam pentadbiran Barisan Nasional ini banyak yang baik-baik daripada yang tidak baik. Terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, memang ada sesetengah baik juga dan ada juga sesetengah tidak baik seperti jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi kepada soalan saya, itu tidak baik. Itu memang tidak seronok, tidak baik. Tidak ada jawapan langsung, ini perangai tidak baik, tidak manis.

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya tadi saya sebutkan soalan usulnya, soalan pertamanya juga sudah berniat politik dan sudah tidak berniat tidak baik. Maka bermula dari niat tidak baik, tidak ada benda yang lain yang jadi baik kalau niat asalnya tidak baik. Ini landasan Barisan Nasional.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, niat saya baik. Saya bertanya soalan yang tepat kerana maklumlah di negara ini kalau kita kata lokap atau penjara, kita hampir 50% ataupun lebih ialah ada tahanan-tahanan atau banduan-banduan yang kait-berkait dengan dadah. Ada sesetengah itu sangat lemah, uzur dan bila dimasukkan di dalam lokap, boleh mati. Itu yang saya tanya tetapi tiada jawapan. Kalau adapun, unsur-unsur politik. Jadi kalau inilah yang dibuat oleh Yang Berhormat, macam mana kita boleh kata retak itu sedikit, retak itu banyak. Chenderoh pun banyak retaknya. Parit Sulong hari ini dia tidak bercakap tetapi hari itu bila dia membidas DAP dan PAS, uhhh... hangat sangat.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Yang Amat bagi Berhormat Kubang Pasu dapat memastikan dan menentukan segala-gala yang dibuat untuk pilihan raya akan datang dibuat dengan cara yang paling baik kerana beliau mempunyai kemampuan dan kebolehan dengan jentera-jentera yang cukup untuk memastikan semua yang dijalankan dengan adil dan saksama termasuklah jangan kali ini kita gunakan Biro Tatanegara, jangan kita gunakan van-van Penerangan untuk memihak Barisan Nasional yang kurang rasional itu. Janganlah kita gunakan alat-alat kelengkapan kerajaan untuk memihak sesuatu barisan sahaja. Jikalau hendak, kita memberi peluang bagi 'Barisan Alternatif' untuk menggunakan kelengkapan-kelengkapan tersebut. Ini cara yang baik.

Saya menyeru supaya, walaupun Yang Amat Berhormat pernah mengatakan, dia pun tidak tahu, apabila dia kembali ke rahmatullah, sama ada akan meninggalkan nama yang baik dan sebagainya. Saya berharap beliau menggunakan kesempatan ini mungkin pilihan raya umum yang terakhir baginya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Ya, Yang Berhormat bagi Parit Sulong, bangun.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat bagi Kepong juga berharap supaya Ketua Pembangkang akan menjadi Perdana Menteri, bagi pihak parti 'Barisan Alternatif'?

Dr. Tan Seng Giaw: Soalan ini tidak timbul. Di saat ini pun kita menghadapi kesusahan untuk menyertai pilihan raya umum dengan susah payah ini, tidak payahlah kita hendak bincangkan perkara-perkara yang lain, tidak timbul, memang tidak timbul.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Ya, Timbalan Menteri.

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Dengan perkataan susah payah ini dan juga dengan apa yang tersirat di dalam ungkapan Yang Berhormat bagi Kepong tadi, saya menggambarkan seolah-olah susah payahnya, bermakna susah payah dari segi membendung ungkapan-ungkapan parti PAS yang bercanggah dengan apa yang disebut oleh parti DAP. Jadi, inilah yang menjadikan susah payah kepada parti pakatan baru ini dan inilah yang sampai hari ini menjadi masalah kepada Yang Berhormat bagi Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri mesti ingat, kalau Yang Berhormat memberi contoh yang tidak baik, maka susahlah kita. Sebagai Timbalan Menteri mestilah menunjukkan perangai, tabii.....

Dato' Haji Mohamed Nazri bin Tan Sri Abdul Aziz: Mana ada, Parlimen dahululah.

Dr. Tan Seng Giaw: Memang, mesti menunjukkan yang baik pula. Kalau Yang Berhormat sendiri hendak membidas, mencarut dan memfitnahkan orang, macam mana hendak dapat balasan yang baik.

Dato' Haji Mohamed Nazri bin Tan Sri Abdul Aziz: mencarutkah?

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, perkataan mencarut ini tidak pernah daripada Barisan Nasional atau pemimpin-pemimpin parti dalam kerajaan yang mencarut. Adakah Yang Berhormat bagi Kepong bermaksud yang mencarut itu ialah daripada parti PAS dan parti kawan rakan Yang Berhormat dalam parti yang baru ini?

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, kalau pengalaman saya di dalam Dewan yang mulia ini, yang tidak muliakan Dewan dengan perkataan-perkataan mencarut Barisan Nasional yang banyak, Yan dan kadang kala Parit yang Sulong, Pokok 'Angsana' itulah, Machang pun ada, dan kalau tidak silap saya Chenderoh pun banyak kali.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang Berhormat bagi Parit Sulong, bangun.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, rekod saya tidak ada saya mencarut, kalau yang mencarut saya tahu, di luar Dewan daripada parti sahabat DAP, itu yang mencarut. Oleh kerana mencarut memfitnah, menghasut, menghina, semua ini perbuatan daripada pihak pembangkang, memfitnah dan sebagainya.

Jadi, saya tanya tadi, kalau tidak mahu memperjuangkan Ketua Pembangkang sebagai Perdana Menteri, adakah Yang Berhormat bagi Kepong menerima 'Barisan Alternatif' menetengahkan tokoh daripada PAS sebagai Perdana Menteri Malaysia?

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan itu tidak timbul langsung. Kita ada muafakat untuk menghadapi pilihan raya akan datang, yang susah payah kita hendak mencapai keputusan yang baik. Tunggalah kita capai keputusan dahulu.

Dato' Haji Mohamed Nazri bin Tan Sri Abdul Aziz: Okay, okay.....

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, cuba. Susah payah kita hendak menghadapi pilihan raya umum ini sebab itulah saya di sini menyeru supaya dijadikan pilihan raya ini yang paling bersih di dalam sejarah kita.

Tuan Yang di-Pertua, sebab saya hendak mengambil masa yang banyak untuk menjawab. Saya ada cadangan-cadangan yang baik untuk Belanjawan kita, sebab kita sama-sama cintakan negara dari segi politik, ekonomi, pendidikan, kebudayaan, kebajikan, perumahan dan sebagainya, kita hendak beri cadangan yang bernas, seperti yang disarankan oleh pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, kita hendak semua itu baik. Saya pun hendak baik juga dan berilah peluang dan juga masa pun sudah cukup. Kalau ganggu lagi tidak ada masa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Itu pun kerana Yang Berhormat hendak layan sangat.

Dr. Tan Seng Giaw: Bukan hendak layan sangat, kerana kita pun hendak menegakkan demokrasi, sifat demokrasilah kita beri kerana kita tikam lidah sahaja di sini, jangan tikam dengan keras di luar. Tikam lidah itu dibenarkan dalam demokrasi berparlimen sebab itu kita menyeru supaya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dapat memastikan, mengisikan isi kandungan demokrasi berparlimen dengan lebih bermakna, dengan lebih bererti.

Dato' Haji Mohamed Nazri bin Tan Sri Abdul Aziz: Ya, sila gulung.

Dr. Tan Seng Giaw: Memang hendak gulung. Tuan Yang di-Pertua, di sini saya hendak menyeru supaya bersama-sama kita dapat mewujudkan satu sejarah Malaysia yang dapat menjaga toleransi untuk negara ini. Kalau tidak ada toleransi di negara ini, maka kita pun tidak tahulah, sejarah Malaysia akan menjadi selama berapa tahun lagi kerana sejarah Kesultanan Melaka, sejarah Sri Vijaya, Majapahit berapa ratus tahun dia hancur kerana kelemahan di dalam pemerintahan, kelemahan di dalam masyarakat mereka dan kita tidak mahu menyaksikan kelemahan-kelemahan ini wujud di negara Malaysia. Saya berharap kita dapat menulis, mengarang satu sejarah Malaysia seperti sejarah Melayu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Timbalan Menteri bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Berilah saya peluang sedikit, jangan mengambil masa kerana saya pun hendak sertai mesyuarat, beberapa minit sahaja.

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Terima kasih Yang Berhormat. Saya faham sangat dengan apa yang dikehendaki oleh Yang Berhormat tadi. Saya juga cenderung dengan perkataan 'toleransi' tetapi saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, apakah *benchmark* toleransi yang dibayangkan, yang ada di dalam wawasan Yang Berhormat? Adakah toleransi yang ada dalam negara yang diwujudkan selama berapa tahun ini, antara kaum, antara agama dan sebagainya bukan satu level ataupun satu paras toleransi yang cukup tinggi di dunia berbanding dengan dunia lain, toleransi yang wujud sekarang, walaupun apa yang disebut, apa yang diungkapkan secara tohmahan oleh pihak-pihak tertentu oleh kerajaan, kita juga bertoleransi. Adakah ini bukan jadi *benchmark* yang tinggi kepada Yang Berhormat?

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, bagi saya tanda yang ditunjukkan ataupun *benchmark* yang ditunjukkan oleh Barisan Nasional tidak sempurna, banyak kelemahan termasuk *hegemony* Barisan Nasional sekarang, seolah-olah kita susah hendak bernafas. Tanah-tanah lapang dirampas, entahlah berapa bidang tanah di seluruh negara yang dirampas oleh parti-parti komponen Barisan Nasional yang menggunakan nama-nama samar dan sebagainya untuk merampas tanah-tanah lapang di seluruh negara termasuk di kawasan Kepong. Jadi, ini keangkuhan, ini satu *hegemony*. yang tidak patut wujud.

Dato' Haji Mohamed Nazri bin Tan Sri Abdul Aziz: [Bangun]

Dr. Tan Seng Giaw: Jadi, tidak ada masa, saya diberi masa yang terhad.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, hendak beri jalan atau tidak?

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Berilah sekejap sahaja. Satu minit sahaja.

Dr. Tan Seng Giaw: Setengah minit.

Dato' Haji Mohamed Nazri bin Tan Sri Abdul Aziz: Saya bentang boleh beri. Tadi Yang Berhormat bagi Kepong bercakap toleransi antara kaum. Ini apa bangkit soal rampas tanah orang, kita tidak pernah rampas tanah orang. Kita bincang tadi, toleransi

antara kaum. Jadi, apakah sekarang ini, apa yang ditunjuk oleh Barisan Nasional ini satu *benchmark* yang boleh dibanggakan sebagai toleransi yang ada di dalam negara kita ataupun di dalam dunia? Itu satu Yang Berhormat.

Tidak usah bangkit soal rampas-rampas ini, benda tidak betul, ini antara kaum. Kita pun hendak tahu juga toleransi dalam DAP dengan PAS ini macam mana? Dan saya hendak tanya kepada Yang Berhormat bercakap tentang toleransi, Yang Berhormat tolong sebut sebuah negara di dalam dunia yang mana toleransinya begitu baik seperti Barisan Nasional di mana pendidikan anak-anak diizinkan untuk dijalankan dalam bahasa ibunda mereka, Amerika, Britain, orang China di Britain, orang India di Britain boleh masuk sekolah yang menggunakan bahasa dia. Mana ada di dalam dunia ini kalau tidak Malaysia satu sahaja yang toleransi dan demokratik termasuk dalam bidang pendidikan. Tolong Yang Berhormat beritahu mana negara yang sama dengan Malaysia? Kalau tidak, tidak usah cakap tentang toleransi.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Chenderoh yang cenderung kepada bahasa yang melaungkan-laungkan sahaja, memang wujud masalah-masalah[*Disampuk*]

Dato' Haji Mohamed Nazri bin Tan Sri Abdul Aziz: Sudah keliru dah. [*Ketawa*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dia bangun lagi, Yang Berhormat.

Dato' Haji Mohamed Nazri bin Tan Sri Abdul Aziz: Saya minta soalan spesifik.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya spesifik menjawab. Belum saya jawab, dia bangun dah.

Dato' Haji Mohamed Nazri bin Tan Sri Abdul Aziz: Okay, saya tunggu, saya tunggu.

Dr. Tan Seng Giaw:macam mana perangai dan tabiat, tabii seperti ini.

Dato' Haji Mohamed Nazri bin Tan Sri Abdul Aziz: Saya tunggu, saya tunggu.

Dr. Tan Seng Giaw: Sebelum saya jawab, macam mana dia boleh berlagak seperti[*Disampuk*]

Dato' Haji Mohamed Nazri bin Tan Sri Abdul Aziz: Sebab saya pun terikut macam cara Yang Berhormat. Waktu saya bentang pun Yang Berhormat macam itu juga perangai. Buat kepada orang boleh, orang buat kepada dia tidak boleh, apa pasal?

Dr. Tan Seng Giaw: Saya tidak. Tuan Yang di-Pertua, tidak ikut peraturan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sila, sila.

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak ikut peraturan. Jadi, pada tahun 70-an bila PAS dan UMNO dan Barisan Nasional berpakat di dalam satu barisan, itu semua elok. Sekarang bila DAP dengan PAS hendak bersama – muafakat, oh! tidak boleh, itu tidak boleh langsunglah. Ini tidak ada toleransi, macam mana tidak ada toleransi sekarang? Itu menunjukkan satu sifat toleransi. Apa tidak ada toleransi? Ini menunjukkan sifat satu toleransi.

Dato' Haji Mohamed Nazri bin Tan Sri Abdul Aziz: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Timbalan Menteri bangun, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya banyak lagi hendak buat cadangan untuk memperbaiki belanjawan kita.

Dato' Haji Mohamed Nazri bin Tan Sri Abdul Aziz: Takut, tidak boleh jawab.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]: Tidak boleh jawab.

Dr. Tan Seng Giaw: Bukan takut, masa tidak mengizinkan.

Dato' Haji Mohamed Nazri bin Tan Sri Abdul Aziz: Takut, Yang Berhormat kena jawab sekarang sebab Dewan akan datang belum tentu ada ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dia tidak mahu beri jalan, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Yang Berhormat bagi Chenderoh, sudah berapa kali dah, tolong sikit. Saya hendak buat cadangan yang baik.

Dato' Haji Mohamed Nazri bin Tan Sri Abdul Aziz: Takut, tidak boleh jawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sila teruskan.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya berharap kita boleh mengambil kira, Yang Berhormat bagi Chenderoh. Kita pun haraplah dengan toleransi yang kita di dalam 'Barisan Alternatif' akan wujudkan – Yang Berhormat bagi Chenderoh lebih manis bila dia bersopan-santun dan sebagainya lebih baik. Kita akan beri dia peluang untuk dididik dengan cara yang baik

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sila gulung, Yang Berhormat. *[Ketawa]*

Seorang Ahli: Belum masuk tajuk lagi.

Dr. Tan Seng Giaw: Belum masuk tajuk. Tuan Yang di-Pertua, saya berharap *[Disampuk]*

Dato' Haji Mohamed Nazri bin Tan Sri Abdul Aziz: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dia tidak mahu beri jalan lagi, Yang Berhormat.

Dato' Haji Mohamed Nazri bin Tan Sri Abdul Aziz: Dia tidak ada toleransi. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya berharap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh mewujudkan suasana untuk kita sama-samalah mengarang sejarah Malaysia yang cemerlang untuk selama-lamanya. Untuk ke arah itu, saya mencadangkan suatu musyawarah, suatu dialog atau suatu diskusi di antara Barisan Nasional dengan Barisan Alternatif untuk memastikan pilihan raya umum akan datang adalah yang terbersih dalam sejarah Malaysia. Satu musyawarah di antara Barisan Nasional dengan Barisan Alternatif untuk memastikan pilihan raya umum akan datang yang terbersih dalam sejarah Malaysia. Saya banyak lagi cadangan. Jangan kita buat macam itu lagi, ya. Jangan buat macam itu.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Beri jalan atau tidak, Yang Berhormat?

Dr. Tan Seng Giaw: Satu cadangan untuk musyawarah di antara Barisan Nasional dengan 'Barisan Alternatif'.

Dato' Haji Mohamed Nazri bin Tan Sri Abdul Aziz: Berulang-ulang sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat hendak beri jalan atau tidak?

Dr. Tan Seng Giaw: Macam mana 'Barisan Alternatif', yang baik alternatifnya – British Airways.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Yang Berhormat, Yang Berhormat

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua,*[Disampuk]*

Dato' Haji Mohamed Nazri bin Tan Sri Abdul Aziz: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Timbalan Menteri bangun, hendak beri jalan atau tidak?

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak beri, sudah suntuk masa. Memang tidak ada masa.

Dato' Haji Mohamed Nazri bin Tan Sri Abdul Aziz: Dia tidak ada toleransi.

Dr. Tan Seng Giaw: Memang tidak ada masa. Selain daripada diadakan musyawarah di antara BN dengan BA untuk menentukan pilihan raya umum yang lebih teratur, lebih adil dan lebih saksama, maka kita hendak dari segi perbelanjaan kita untuk menampung keperluan defisit yang besar RM18 bilion, saya berharap jangan kita terlalu asyik untuk mendapat pinjaman daripada luar negara kerana jumlah hutang luar negara sudah lebih daripada RM160 bilion dan ini merupakan hampir 57% daripada KNK. Pinjaman luar negara sudah meningkat kepada 21.2%. Memang satu perkara yang membimbangkan kami, membimbangkan pihak 'Barisan Alternatif' dan begitu juga oleh khalayak ramai kerana meningkatnya hutang luar negara sampai 21.2% dan jumlah hutang Kerajaan Persekutuan meningkat kepada 8.9%. Ini memang satu peningkatan hutang tidak baik. Sementara itu.....*[Disampuk]*

Dato' Haji Azmi bin Khalid: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, seorang lagi Timbalan Menteri bangun, hendak beri jalan atau tidak? Yang Berhormat, saya hendak tanya, kalau tidak beri jalan, beri tahu.

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Pasal bercakap ekonomik itu kena jawab balik secara ekonomik.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya tidak berilah kerana masa tidak cukup bagi saya. Saya ada beberapa cadangan lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dia tak mahu beri, Yang Berhormat.

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Kalau tidak, Yang Berhormat memberi satu hujah yang menipu.

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak, bukan menipu, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Hujah ekonomik kena dengan angka. Saya ada angka yang memperkatakan apa Yang Berhormat kata itu tidak benar.

Dr. Tan Seng Giaw: Angka itu saya ikuti dari belanjawan. Angka daripada belanjawan - ini buku-buku ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat ...

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Tidak mengapa, saya hendak tanya sama ada Yang Berhormat tahu.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya tidak bagilah. Yang Berhormat ikut peraturan kita.

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Yang Berhormat takut soalan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Masa sudah habis.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya ada banyak cadangan lagi.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Masa sudah habis, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya banyak cadangan lagi.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]* Masa dah habis!

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, misalnya daripada segi pelaburan tempatan di dalam lapan bulan ini pelaburan tempatan (*domestic investment*) sudah jatuh 77% dan puak-puak Yang Berhormat Timbalan Menteri dan Menteri tidak mengambil kisah. 77% pelaburan tempatan (*domestic investment*) sudah jatuh terjunam. Saya mencadangkan kita berusaha dengan lebih untuk mendapat pelaburan tempatan. Jangan kita puas hati kerana di dalam belanjawan ini kita nampak pelaburan asing sudah meningkat dan sebagainya. Tetapi sebaliknya kita dapat pelaburan tempatan yang merosot dengan amat sangat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, masa sudah lebih, ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Masa sudah lebih.

Dr. Tan Seng Giaw: Macam mana sudah lebih pula kerana kacau banyak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Saya sudah rekod, sudah lebih, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Lebih baik saya gulung*[Disampuk]*

Tuan Haji Noh bin Omar: Duduklah, masa sudah habis.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya gulung, satu minit ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat tengok ramai yang hendak ambil bahagian.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya gulung, saya gulung ya. Tuan Yang di-Pertua, saya gulung sekarang, ya. Saya berharap daripada defisit ini dengan pelaburan tempatan yang kecundang dengan banyak kita mesti berusaha memperbaiki pelaburan tempatan dan juga

jangan kita menyalahgunakan wang daripada KWSP, daripada Tabung Haji dan Petronas kerana walaupun KWSP mempunyai punca-punca kewangannya berjumlah RM158 bilion tetapi ini wang rakyat belaka – wang RM9.3 juta pencarum jangan kita menyalahgunakan wang ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya nampak Universiti MARA sekarang ditubuhkan – itu baik. Saya berharap standard Universiti MARA ini dapat ditingkatkan dan kita hendak tingkatkan *standard* Universiti MARA itu. Sementara itu, saya nampak Kolej TAR yang mempunyai *standard* yang baik juga tetapi tidak dinaikkan taraf sebagai universiti. Saya berharap ini dapat dinaikkan kepada taraf universiti tetapi kelemahan-kelemahan yang terdapat kerana dikongkong oleh MCA – parti politik dan peruntukan daripada itu hanya RM15 juta.....

Dato' Haji Mohamed Nazri bin Tan Sri Abdul Aziz: Sila gulung.

Seorang Ahli: Ya, kolej DAP di mana ya?

Dr. Tan Seng Giaw:jumlah RM15 juta sahaja daripada kerajaan walhal kepada MARA hampir RM300 juta.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Masa sudah lebih, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya berharap Kolej TAR boleh menghapuskan kongkongan MCA dan juga pihak kerajaan dapat memberi peruntukan seperti diberi kepada MARA RM300 juta untuk mewujudkan sebuah Universiti TAR. Kolej TAR jadi universiti juga. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Tanjung Karang.

Tuan Haji Noh bin Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk bersama-sama mengambil bahagian di dalam membahaskan Belanjawan tahun 2000.

Tuan Yang di-Pertua, belanjawan negara yang dikemukakan oleh kerajaan Barisan Nasional ianya digubal selepas fakta, idea, kritik, kepentingan dan manafaat semua pihak diambil kira. Semua ini dilakukan menerusi dialog prabelanjawan yang diadakan dengan berbagai-bagai sektor. Hasil perbincangan itu diperkuat dan diperkemaskan oleh pakar yang bukan seorang sahaja. Pembentangannya hanya dibuat setelah mendapat maklumat dan reaksi petani, nelayan, kakitangan kerajaan dan pihak swasta, industri, technocrat, birokrat, korporat, pelajar dan wakil pertubuhan awam, agensi kerajaan dan bukan kerajaan. Semua pandangan ini telah diambil kira di dalam belanjawan kerajaan yang dibentangkan pada minggu lepas. *Input* itu diselaraskan dengan maklumat ekonomi dan perolehan kerajaan di samping asas lain dalam penyediaan satu belanjawan negara secara menyeluruh.

Tuan Yang di-Pertua, belanjawan yang kerajaan Barisan Nasional bentang bukan seperti belanjawan pihak pembangkang yang hanya dikarang semalaman sahaja yang dihasilkan daripada satu kepala dengan beberapa kerat pembantunya. Jelas apa yang dicadangkan dalam belanjawan pihak pembangkang itu dibuat tanpa disokong data serta maklumat yang diusahakan oleh mereka sendiri seperti mana yang selalu dilaung-laungkan di ceramah-ceramah mereka. Sebaliknya mereka masih berpandu kepada maklumat dan fakta yang dikumpulkan oleh kerajaan yang mana sebelum ini mereka sendiri menafikan kesahihannya seperti mana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat bagi Kepong tadi, fakta-fakta yang diberi oleh pihak pembangkang ini selalu mengelirukan.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam membahaskan belanjawan ini kita lihat pihak pembangkang masih lagi tidak mahu menerima kenyataan bahawa ekonomi kita semakin

pulih dan mereka juga telah mengambil kesempatan menggunakan isu-isu tertentu untuk memesongkan pemikiran dan juga fahaman rakyat kerana mereka selama ini cuba bermain politik kerana bagi mereka yang penting ialah kuasa bukannya kesejahteraan untuk rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, ini jelas kita lihat bagaimana pakatan-pakatan parti pembangkang yang hari ini kita lihat seperti PAS yang sanggup menggadaikan matlamat perjuangan mereka daripada menubuhkan kerajaan Islam semata-mata tunduk dengan kehendak DAP. Semalam kita baca dalam surat khabar kenyataan lucu. Ini Tuan Yang di-Pertua kita baca dalam surat khabar oleh kerana hilang panduan maka Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan, Nik Aziz sanggup memberikan cadangan supaya jawatan Perdana Menteri ini pun boleh dipegang oleh orang bukan Melayu dan kenyataan ini disanggah dan tidak disetujui oleh Presiden PAS. Ini jelas menunjukkan di dalam pimpinan PAS sendiri mereka tidak ada kata sepakat kerana mereka hari ini hilang panduan. Saya ingin membaca sedikit keratan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Encik Fadzil Noor beliau menegaskan, "*PAS tetap mengekalkan keputusan yang dipersetujui sebulat suara dalam pakatan parti pembangkang untuk melantik Dato' Seri Anwar Ibrahim sebagai Perdana Menteri jika berpeluang menubuhkan Barisan Nasional dalam pilihanraya umum kelak.*" Bagi saya kenyataan yang dibuat oleh Fadzil Noor ini dua kali lucu. Kalau dia kata kenyataan Nik Aziz ini lucu maka kenyataannya lebih melucukan. Inilah clown ataupun badut-badut dalam PAS yang kadang-kadang buat kenyataannya yang lebih melucukan. Adakah logik kita menerima kenyataan ini menyatakan bahawa mereka akan memberi peluang kepada Dato' Seri Anwar Ibrahim menjadi Perdana Menteri. Bagi saya ini hanyalah gimik politik kerana selama ini PAS dimainkan oleh DAP dan hari ini PAS pula menjolok punggung DAP supaya dia rasa geli. Daripada kenyataannya hari ini jelas menunjukkan bahawa kenyataan itu tidak mungkin berlaku kerana untuk memberi peluang kepada Dato' Seri Anwar Ibrahim, Fadzil Noor mengatakan bahawa apabila mereka memerintah mereka akan melalui proses perundangan untuk melepaskan Dato' Seri Anwar Ibrahim.

Soalnya hari ini sebelum Dato' Seri Anwar Ibrahim dibebaskan sudah tentu ada Perdana Menteri sementara. Jadi kenyataannya ini sama dengan kenyataan 'Cina buta'. Jadi soalnya di sini siapa yang hendak jadi 'Cina buta'? Siapa yang akan dilantik sebagai Presiden sementara. Cara jolokan yang diberikan oleh PAS ini jelas telah terkena kepada DAP. DAP siang-siang sudah nyatakan, Yang Berhormat bagi Tanjong sudah mengatakan bahawa dia tidak pun berniat untuk menjadi Perdana Menteri. Jadi satu peluang kepada DAP sudah tidak ada sebab Lim Kit Siang tidak hendak jadi Perdana Menteri. Kemudian hendak suruh Wan Azizah saya ingat PAS tidak akan setuju sebab Wan Azizah wanita. Tidak akan hendak menerima Perdana Menteri seorang wanita walaupun Perdana Menteri sementara. Hendak suruh PRM hendak jadi Perdana Menteri PRM ini tidak pernah menang pun. Ahli pun entah ada entah tidak, yang adapun tiga empat orang sahaja. Jadi ini jelas menunjukkan yang akan menjadi Perdana Menteri sementara ini ialah PAS. Apabila PAS menjadi Presiden sementara bermakna apakah dia mahu lepaskan jawatan itu kalau dia sudah seronok menjadi Perdana Menteri. Ini seperti cerita 'Cina buta'.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu 'Cina buta' ini apabila seorang suami menceraikan isterinya dengan talak tiga kalau dia hendak kahwin balik dengan isteri dia, dia kena cari satu orang yang hendak jadi pak sanggup. Dia panggil 'Cina buta'. Jadi kebanyakan dulu boleh. Dulu bila orang kahwin 'Cina buta' dia kahwin semalam cerai. Tetapi hari ini banyak kes berlaku bila dia jadi 'Cina buta' dia tidak mahu ceraikan isterinya. Kahwin semalam dia rasa seronok dia tidak mahu cerai. Jadi gigit jarilah isteri yang menyusun ini tadi.

Jadi inilah taktik PAS. Kita tahu kalau menjadi Perdana Menteri sementara, PAS kata sementara Anwar Ibrahim keluar dia hendak jadi Perdana Menteri sementara sebab DAP tidak hendak, Wan Azizah wanita, PRM langsung tidak ada penyokong. Dia akan

jadi. Jadi bila dia jadi Perdana Menteri sementara Anwar Ibrahim kata dibebaskan pada masa itu hendak suruh tukar saya rasa dia tidak akan lepas. Macam 'Cina buta' ini. Ini semua kerana gimik politik PAS untuk mengelirukan rakyat dengan masih lagi hendak menggunakan populariti Dato' Seri Anwar Ibrahim walaupun hari ini kita tahu perkara itu semakin hari semakin menurun.

Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja mengenai isu siapa hendak jadi Perdana Menteri, ada percanggahan di dalam PAS di dalam usaha untuk menggugurkan penubuhan negara Islam juga kita lihat ini ada percanggahan di antara presiden parti dengan timbalan presiden. Saya hendak nyatakan keratan di dalam *MASSA* bulan lepas. Apabila diwawancara, yang bertanya kepada Timbalan Presiden PAS iaitu Yang Berhormat daripada Marang. Saya hendak quote apa yang dia cakap. *"Walau apapun matlamat untuk tubuh negara Islam itu masih ada lagi dan termaktub dalam perlembagaan PAS. Hendak ubah perlembagaan berhajatkan satu muktamar, satu mesyuarat agung," katanya ketika mengulas mengenai pendirian PAS ketika mengulas mengenai pendirian PAS untuk meneruskan hasrat untuk menubuhkan sebuah negara Islam."*

Ertinya Timbalan Presiden PAS mengatakan bahawa kalau hendak gugurkan matlamat penubuhan negara Islam Perlembagaan PAS mesti dipinda dahulu. Tetapi sebaliknya pula apabila wawancara ini ditanya kepada Presiden PAS maka dijawab oleh Presiden PAS saya baca. Saya kena baca habis nanti orang PAS kata kita baca sekerat-sekerat. *"Kalau kita tengok dalam perlembagaan PAS sendiri tidak menegaskan tidak ada satu perenggan atau fasal yang menyebut penubuhan sebuah negara Islam. Tidak ada perkataan itu. Ini menunjukkan bagaimana perlembagaan itu telah dibuat. Jadi ini jelas menunjukkan bahawa yang hanya disebut dalam perlembagaan PAS ialah ciri-ciri penubuhan negara Islam itu. Penubuhan negara Islam itu bergantung kepada ciri-ciri itu pengisiannya akan berlaku dari semasa ke semasa dan peringkat demi peringkat. Dengan sebab itu mungkin ada pandangan segelintir sebagaimana yang saudara sebutkan itu tetapi ada pandangan yang lebih positif yang beranggapan bahawa PAS lebih memikirkan soal dasar, pelaksanaan dan pengisian buku soal slogan-slogan."*

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya hendak tekankan, jelas menunjukkan bahawa kalaulah Presiden PAS dengan Timbalan Presiden PAS pun tidak faham perlembagaan mereka sendiri, bagaimana mereka ingin memimpin sebuah negara. Mentafsir perlembagaan mereka, yang saya ada yang original, Perlembagaan PAS yang betul. Mereka juga tidak boleh memilih kata sepakat mengenai mentafsirkan perlembagaan mereka sendiri. Soal hendak memilih Perdana Menteri pun tidak ada sepakat, mentafsir perlembagaan pun tidak sepakat tetapi yang jelasnya bagi saya kedua-dua pemimpin Pas ini membelakangkan perlembagaan ini.

Apabila mereka bersekedudukan dan membuat pakatan dengan parti-parti pembangkang yang lain, terutamanya DAP kerana di dalam Perlembagaan PAS ini Tuan Yang di-Pertua, jelas menunjukkan bahawa Fasal 6(6) saya hendak baca, apa yang dalam Perlembagaan PAS menyatakan, *"Usaha-usaha menyertai dan bekerjasama dengan badan-badan, persatuan-persatuan atau pertubuhan-pertubuhan yang tidak berlawanan tujuannya dengan PAS bila mana dan selama ianya mustahak dan sesuai secara tidak bercanggah dengan undang-undang negara."* Ini jelas menunjukkan bahawa pada waktu pakatan itu dibuat, mereka tidak baca perlembagaan.

Saya ada seorang bekas Setiausaha PAS kawasan di Kuala Selangor, dia menulis surat kepada Yang Berhormat bagi Marang bertanya, pakatan ini bertentangan atau pun tidak dengan Fasal 6(6). Setiausaha PAS itu dipecat daripada ahli PAS tanpa diberi tunjuk sebab pun, terus dipecat. Betapa zalimnya PAS, tidak ada pertimbangan sedangkan ahli PAS itu hanya bertanya, pakatan ini bertentangan dengan perlembagaan ataupun tidak. Itu pun dipecat, belum lagi memerintah.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, jelas menunjukkan bahawa PAS apabila mereka mementingkan kepentingan mereka, bukan sahaja meninggalkan ataupun menidakkan segala ayat-ayat al-Quran yang dia baca dahulu, yang dia tuduh tidak boleh berkawan dengan orang bukan Islam, tetapi Perlembagaan PAS sendiri tidak dihormati, tidak dibuat. Sekarang ini ramai yang tidak tahu, waktu mereka ingin membuka ahli PAS kepada bukan Islam, mereka tahu, mereka terpaksa meminda perlembagaan tetapi sewaktu membuat pakatan ini sesungguhnya Perlembagaan PAS juga tidak membenarkan pakatan ini dibuat kepada mana-mana parti atau pertubuhan yang tidak sehaluan dengan perjuangan PAS. Hari ini jelas menunjukkan bahawa DAP memang tidak setuju untuk menubuhkan negara Islam tetapi PAS masih lagi meneruskan pakatan ini.

Tuan Yang di-Pertua, inilah yang dikatakan gimik politik PAS untuk mengelirukan rakyat yang menunjukkan seolah-olah parti pembangkang juga mendapat sokongan daripada rakyat ataupun kaum-kaum lain di negara ini.

Perkara yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Dewan, bagaimana PAS menggunakan *Harakah*, menggunakan agama, memesongkan pemikiran rakyat, menanamkan perasaan benci rakyat kepada pemimpin-pemimpin Barisan Nasional. Ini saya bangkitkan di dalam *Harakah* yang ditulis pada 26 Rejab. Di dalam *Harakah* ini tajuknya begitu sensasi '*Tidak Menghormati Ayat-ayat Al-Quran, Wakil Rakyat UMNO Biadab – Tidak Berakhlak*'. Tajuknya memang sedap, kemudian ditulis lagi, begitu juga keadaannya semasa Abdul Hadi membaca Hadis sebagai Ahli Parlimen bukan Islam dan pemerhati daripada orang bukan Islam dalam Dewan Rakyat turut ikut ketawa kerana diajar secara spontan oleh tingkah laku yang tidak beradap oleh Ahli-ahli Parlimen UMNO ketika ayat al-Quran dan Hadis dibacakan.

Ini satu pembbohongan yang besar, fitnah yang dibuat. Boleh kita baca *Hansard*. Saya banyak kali saya baca *Hansard* ini, betul ataupun tidak sewaktu Yang Berhormat bagi Marang membaca al-Quran dan Hadis ini, kita ketawakan. Tidak betul, apa yang kita bangun dan apabila yang kita tanya beliau apabila ayat al-Quran itu habis dibaca, kita bangun, saya bangun, Yang Berhormat bagi Pendang bangun, Ahli Parlimen lain bangun, Yang Berhormat bagi Yan pun bangun. Hendak tanya, yang dia baca itu betul, tidak dinafikan betul, ayat itu yang dibaca tetapi kita hendak tanya, dia amalkah apa yang dia baca, itu sahaja. Tetapi dipusingkan. Ini menyebabkan rakyat mula memikirkan bahawa hari ini seolah-olah Ahli Parlimen Barisan Nasional terutama orang beragama Islam tidak menghormati al-Quran.

Ia begitu sensasi, tidak cukup dengan itu, di dalam minggu ini, hari Khamis lepas apabila Yang Berhormat bagi Tumpat bangun, saya sekali lagi bangun merasakan tidak puas hati, mengenai laporan *Harakah* kerana saya beritahu bahawa ini Dewan yang mulia, perbahasan, nama pun perbahasan. Tetapi Yang Berhormat bagi Marang hendak membuat macam Dewan ini masjid, kalau masjid bolehlah dia baca khutbah, apabila baca khutbah kita kena diam. Saya menyatakan kalau hendak membaca khutbah pergi balik, pergi baca di masjid bukan di dalam Dewan. Kita hendak perbahasan yang.....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yan bangun, Yang Berhormat.

Tuan Haji Noh bin Omar: .. lebih efektif, bukan hendak dengar ceramah agama dia. Di kampung dia boleh bercakap, orang tidak berani bertanya tetapi ini di Dewan. Berilah peluang kita bertanya. Kita sedikit pun tidak berniat untuk mempermainkan ayat al-Quran. Inilah contoh yang menunjukkan bagaimana PAS memainkan sensasi agama ini untuk mempengaruhi rakyat supaya benci kepada UMNO.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya sungguh kagum dengan ucapan Yang Berhormat pada hari ini, mungkin hari terakhir Parlimen. Walau bagaimanapun, adakah Yang Berhormat sedar bahawa sejak UMNO memerintah negara ini menerusi Perikatan dan Barisan Nasional, kita tidak pernah mempergunakan Islam untuk kepentingan parti malah kita menggunakan parti untuk mempertahankan maruah Islam, sedangkan PAS dengan terang-terang memperalatkan Islam untuk kepentingan parti mereka. Sebab itulah kadangkala ditafsirkan ayat yang tidak habis dan sebagainya.

Kemudiannya saya dapati Yang Berhormat bersetuju atau tidak, kita tengok wakil-wakil daripada PAS mereka tidak selalunya berani berdepan dengan kita. Tidak sanggup menerima cabaran kita, kalau kita minta laluan untuk minta penjelasan, mereka tidak bagi tetapi apabila dia turun ke kampung, ke desa, mereka memaki hamun dan mengamalkan ajaran yang tidak disuruh oleh Islam, menjatuhkan maruah orang Islam, menjatuhkan maruah pemimpin Islam, memaki hamun, memanggil nama-nama yang begitu tidak diredai oleh ajaran Islam.

Jadi, bolehkah Yang Berhormat membuat kesimpulan bahawa parti PAS ini adalah 'parti munafik', parti yang menjalankan tugas mereka sebenarnya untuk kepentingan diri dan bukan sebenarnya untuk mempertahankan ajaran syiar Islam ini. Macam mana Yang Berhormat?

Tuan Haji Noh bin Omar: Saya setuju betul, sokong seratus peratus. Memang inilah keadaan PAS, dia menggunakan agama untuk kepentingan politik. Kita berbeza dengan UMNO, kita gunakan politik untuk kepentingan agama, inilah perkara yang jauh berbeza. Kita tidak pernah menjual agama tetapi kita menjualkan politik untuk mendapatkan kuasa. Dengan adanya kuasa ini kita terus mempetingkatkan syiar Islam tetapi PAS berbeza, ia menggunakan al-Quran, menggunakan agama, memutarbelitkan agama untuk mendapat pengaruh daripada rakyat seperti yang saya nyatakan tadi. Dia menggunakan tidak menghormati ayat al-Quran. Mana orang Islam tidak terpengaruh? Sebagai orang Islam, orang kampung baca, sebab nama saya pun ada. Dia sebut sekali nama saya, orang kampung kawasan saya tanya, betulkah Yang Berhormat tidak hormat kepada ayat-ayat al-Quran, kepada al-Hadis, ini memesongkan. Orang baca. Saya kata tidak betul.

Kemudian ditambah lagi, pada khamis lepas saya bangkit perkara yang sama tetapi Yang Berhormat bagi Tumpat tidak berani hendak jawab di dalam Dewan, dia kata dia takut terperangkap, bila dia keluar Dewan, dia buat kenyataan yang baru. Dalam *Harakah* hari Isnin, bertajuk, '*Hayati al-Quran ketika dibaca*'. Sedap, ia pun tulis, "*Haji Wan Mohd Jamil Mahmood, PAS Tumpat berkata, terdapat ayat al-Quran mengatakan apabila dibacakan al-Quran maka dengarlah baik-baik dan perhatikan dengan tenang agar kamu mendapat rahmat*". Betul, kita tidak nafikan tetapi mengapa dia tidak berani jawab di dalam Dewan. Dia tunggu keluar Dewan, buat *statement* kepada *Harakah* dan dia sambung lagi, panjang dia sambung.

Kemudian dia tambah di sini "*Isnin lalu ketika Tuan Guru, Haji Abdul Hadi bin Awang membaca ayat al-Quran di dalam perbahasan Belanjawan 2000 Ahli Parlimen Barisan Nasional sengaja membuat suasana bingar dan bising dengan bunyi 'boo' dan lain-lain seolah-olah tidak mahu mendengar ayat-ayat al-Quran yang dibacakan oleh Abdul Hadi itu. Hujahnya ketika ditemui di luar Dewan Rakyat Khamis lalu. Tambah beliau, oleh kerana tingkah laku wakil BN bertentangan dengan nas al-Quran itu, maka sesuailah dikatakan Ahli Parlimen BN biadab dan tidak berakhlak walaupun Ahli Parlimen Tanjong Karang, Noh Omar tidak mahu mengakui Ahli Parlimen BN tidak beradab. Sebelum itu Dewan Rakyat ketika Wan Jamil membahaskan Belanjawan, Noh mempertikaikan laporan Harakah mengatakan Ahli Parlimen BN biadab dan tidak berakhlak kerana membuat bising ketika ayat al-Quran dibacakan*".

Ini disambung, saya tidak ada pun mengatakan kita mempertikaikan ayat-ayat Al-Quran. Kalau kita baca ayat ini sekali, Tuan Yang di-Pertua, seolah-olah saya mengatakan bahawa Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional biadap dan tidak berakhlak kerana membuat bising ketika ayat Al-Quran dibacakan. Jadi dia memainkan sentimen, sentimen kepada orang-orang kampung yang membaca *Harakah*, yang sekarang ini dijual tanpa sekatan, seolah-olah menjatuhkan maruah kita. Sudahlah dituduh kita ini kafir, dia lebih Islam daripada kita, dikeluarkan pula konon sampai Ahli Parlimen pun tidak tahu menghormati ayat Al-Quran, tidak tahu menghormati hadis.

Inilah cara fitnah yang ditanam oleh PAS kepada orang-orang Islam, tidak cukup dengan itu keluar pula Internet, dia orang pasang kaki dekat Internet. Dia tuduh badut-badut UMNO baharu di Parlimen. Jadi kalau orang tidak membaca *Harakah*, orang akan membaca Internet. Internet pun membuat cerita yang sama, mengulas apa *Harakah* cakap. Jadi apabila Internet ini dibuat, Tuan Yang di-Pertua, selalunya Internet ini orang-orang, kaum-kaum menengah sahaja yang ada kemampuan untuk membelinya.

Kita dapati ada Internet ini disebar. Tempat saya bila nama ini ada, dicetak beratus-ratus dan kemudian disebarkan ke masjid-masjid dan kedai-kedai kopi. Bila orang membaca Internet tengok ada cerita yang betul walaupun dia tidak tahu Internet ini khabar-khabar angin, berita palsu tetapi orang kampung percaya disebabkan orang yang menyebarkan ini mereka yang ada kedudukan di dalam masyarakat. Pegawai-pegawai kerajaan yang menengah mereka percaya, kemudian mereka akan terfikir Internet pun kata betul, *Harakah* pun kata betul, dengan ini cara maka mereka secara halus dapat meracuni fikiran rakyat dan mengatakan bahawa apa yang dilaporkan oleh *Harakah*, apa yang dilaporkan oleh Parlimen ini betul. Apa yang dilaporkan oleh Internet ini betul.

Tuan Yang di-Pertua jadi inilah bukti yang nyata bagaimana secara halus, secara biadap saya katakan PAS menuduh kita biadap, menanam semangat kepada orang ramai supaya bukan sahaja membenci pemimpin tertinggi kita yang kita kasihi tetapi juga menanam semangat supaya membenci wakil-wakil rakyat UMNO yang ada pada hari ini, dengan cara berkempen akhirnya ditambah lagi di dalam Internet, Tuan Yang di-Pertua, *“sesungguhnya amat malang dan memalukan bagi rakyat dalam sistem demokrasi di Malaysia, apabila Dewan Rakyat dipenuhi dengan MP-MP barisan najis yang dungu dan tidak beretika. Oleh itu adalah wajar dan perlu perubahan dilakukan dalam pilihan raya yang akan datang. Pastikan Dewan Rakyat ini kelak dianggotai oleh MP-MP dan Barisan Alternatif yang lebih tinggi akal budinya demi untuk keadilan dan kesejahteraan dapat dipulihkan”*. Ini kesimpulannya. Kesimpulannya sama, matlamat PAS, matlamat *Harakah* dan matlamat Internet ialah ingin memenangi pilihan raya dengan apa cara sekali pun, dengan cara memfitnah. Ini yang dikatakan fitnah, bila kita kata PAS menaburkan fitnah dia tidak percaya. Ini terbukti, Tuan Yang di-Pertua, saya terkena batang hidung saya sendiri di dalam Dewan yang mulia ini....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Mersing bangun ya.

Tuan Haji Noh bin Omar: Tetapi PAS masih lagi cuba menafi dan yang akhir sekali...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sudah bangun, Yang Berhormat.

Tuan Haji Noh bin Omar: Oh ya...

Tuan Zainal Abidin bin Osman: Tuan Yang di-Pertua, fitnah yang dilemparkan oleh pihak pembangkang khususnya PAS ini saya kira sudah sampai pada kemuncak. Dia sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat bagi Tanjong Karang tadi telah banyak mengelirukan rakyat. Saya kira kalau kita lihat pada sesetengah negara,

kita tengok negara jiran kita, perkara-perkara macam ini memang tidak sampai, mula dapat sahaja maklumat macam ini memang sudah tentu kena hentam. Jadi saya kira kerajaan Barisan Nasional cukup bertimbang rasa dengan pembangkang ini. Jadi, apa pandangan Yang Berhormat? Adakah satu-satu tindakan patut kita ambil kepada pemimpin-pemimpin pembangkang khususnya PAS yang menaburkan fitnah? Terima kasih.

Tuan Haji Noh bin Omar: Saya cadangkan Yang Berhormat, yang pertama sekali kita kena ambil tindakan kepada *Harakah*. *Harakah* ini banyak sudah hari itu sahabat daripada Seremban pun ada bercakap dia melagakan isu perkauman. Isu arsenik di kawasan saya satu klinik sampai hari ini dia tampal lagi Anwar Ibrahim diracun, ada tiga kali keluaran *Harakah* mengenai isu keracunan dia tampal, jadi orang-orang kampung bila dia datang ke klinik dia ingat betul. Kemudian dia sebarkan pula, dia ambil head line sahaja. *Head line* ini disebar kepada orang ramai isu itu. Sedangkan perkara itu tidak benar yang kita lihat hasil daripada fitnah ini menyebabkan hari itu berlaku demonstrasi dan berbagai-bagi lagi pada hal perkara itu tidak benar.

Hari ini saya bawa contohnya ialah kita sendiri yang terkena, Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional yang dituduh tidak mengikuti ayat Al-Quran dan Al-Hadis yang boleh memesongkan fahaman kepada orang-orang Melayu. Jadi saya rasa sudah sampai masanya KDN kena mengkaji balik *Harakah* ini sama ada harus diteruskan atau diharamkan. Kerana ini boleh menimbulkan rasa pra sangka, perasaan benci, permusuhan dan tidak puas hati sesama agama di antara kaum.

Tuan Yang di-Pertua, selalu juga parti pembangkang mengatakan bahawa surat khabar kita media-media tertentu akan memberikan tajuk-tajuk yang besar apabila ada satu-satu perkara mengenai parti pembangkang. Tetapi Tuan Yang di-Pertua, kita lihat apabila ada tiga pemimpin PAS didakwa milik akaun berasingan, satu orang pemimpin bekas kerani PAS membuat laporan kepada polis mengenai penyelewengan yang berlaku di dalam PAS. Kita tidak *highlight* pun sebagai satu tajuk besar....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat bagi Rompin pula bangun.

Tuan Haji Noh bin Omar: .. Kita tidak *high light* pun sedangkan kalau kita lihat di sini, benarkan saya baca sedikit Ismail Chik Meh berkata, '*Dua lagi penama dalam akaun bersama itu ialah Naib Presiden PAS Mustafa Ali dan bekas pemangku Setiausaha Agung PAS yang juga pengarah urusan Harakah Datuk Hishamuddin bin Yahya*'.

Dalam laporan polisnya di Balai Polis Sentul di sini semalam Ishak mendakwa akaun itu dibuka pada 27 April lalu dengan cek pertama berjumlah RM200,00.00 dimasukkan ke dalam akaun berkenaan. Sehingga kini akaun itu mempunyai RM392,00.00 hasil sumbangan orang ramai untuk parti berkenaan, katanya hari ini. Ini pendedahan Tuhan hendak tunjuk Tuan Yang di-Pertua, sudah ramai orang bersembahyang hajat. Satu-satu kebenaran, ini orang '*mengata dulang paku serpeh, mengata orang, dia yang lebih*'. Duit rakyat, duit orang pun dia masuk ke dalam akaun peribadi dia. Jadi kita harap perkara ini polis kena siasat laporan ini.

Walaupun dia kata saudara Ishak Chik Mek ini pernah menyelewengkan duit *Harakah* itu soal kedua. Soalnya, faktanya, laporan dibuat harus disiasat pemimpin-pemimpin ini tetapi kita media-media, surat khabar-surat khabar yang menyokong kerajaan tidak menjadikan ini satu isu, tidak pun menjadikan satu *head line*, cuba kita kena tentu keluar *head line*, ini melibatkan presidennya, tetapi keluar dalam surat khabar kecil sahaja, keluar dalam berita harian kecil sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, inilah tuduhan yang dibuat oleh pembangkang ini selalunya tidak tepat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sila gulung,

Tuan Haji Noh bin Omar: Kita kesian Tuan Yang di-Pertua, dia sudah lama bangun Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih pandangan Tanjong Karang tentang *Harakah*, saya pun kena juga. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat adakah apa yang kita lihat di negara kita ini dari segi kaedah arah tuju atau perjuangan parti PAS ini. Kaedah dia yang digunakan standard yang kita lihat pada mereka sudah sampai teruk benar, boleh dikatakan sudah sampai bangkrap. Sewajarnya kalau kita satu parti itu mahu menarik sokongan rakyat sepatutnya mengemukakan vision dia, strategi dia untuk membangunkan ekonomi negara, kaedah dia untuk meningkatkan syiar Islam supaya dengan adanya natijah-natijah perjuangan yang baik itu akan dapat sokongan daripada rakyat. Tetapi PAS tidak, dia menggunakan cara menghasut supaya orang bencikan satu parti yang lain, supaya masyarakat, rakyat membenci Barisan Nasional. Bila membenci kepada Barisan Nasional akan menyokong mereka. Inilah kaedah nampaknya yang dilaksanakan oleh parti PAS.

Oleh kerana itu, adakah Dato', Yang Berhormat, Dato' lah tidak lama lagi itu, bersetuju supaya tindakan yang serius diambil kepada mereka ini. Kerana nampaknya standard yang dipaparkan oleh PAS ini sudah sampai tahap yang amat memalukan bangsa dan boleh mencemarkan negara kita cara pendekatan mereka. Katanya agama yang sebenarnya pendekatan tadi strategi mencemarkan agama Islam, saya hendak minta pandangan dari Tanjong Karang sedikit.

Tuan Haji Noh bin Omar: Sebab hari terakhir ini ramai yang berucap [*Ketawa*]. Saya setuju dengan Yang Berhormat bagi Yan katakan tadi, Yang Berhormat bagi Rompin pun, saya kata ini kerajaan kena mengkaji aktiviti PAS, kita harap rakyat sendiri, rakyat harus menghukum PAS di dalam pilihan raya. Kalau hari ini ada lapan wakil kalau boleh jangan ada wakil pun. Datang pun panaskan kerusi sahaja Tuan Yang di-Pertua, *chelah* mana dia orang ada bercakap pun di dalam Dewan. Datang tetapi di luar berjanji bercakap macam-macam pasal Islam. Bila kita bahas pasal enakmen-enakmen mengenai Islam, mengenai enakmen mahkamah syariah, Wilayah Persekutuan semua, dia orang tidak bangun bercakap pun. Tetapi di luar dialah yang menjadi jaguh. Jadi saya ingat rakyat juga mesti mengambil hukum jadi Tuan Yang di-Pertua saya kesian dia. Saya kesian pada sahabat saya Tuan Yang di-Pertua dengar ini, saya hendak baca sedikit ini memang dia marah cuba kita dengar apa *Harakah* tulis, '*malah mereka ini seperti Ahli Parlimen bagi Rompin, Dato' Jamaluddin Jarjis, boleh menuduh Abdul Hadi memutar belitkan ayat Al-Quran sedangkan orang ramai tahu antara beliau dan Ustaz Abdul Hadi, siapa yang berpendidikan agama*'. Ini merendah-rendahkan sahabat saya. Sahabat saya tidak ada pun menuduh dia memutarbelitkan ayat-ayat Al-Quran. Jadi, ini harus dikaji.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya hendak gulung. Ini kes daripada Jelutong, saya hanya ambil sedikit sahaja. Saya menyokong ada laporan daripada *Utusan Malaysia*, 9 November 1999 "*Kes Karpal Singh – Pandangan Majlis Peguam Perlu*". Kita tahu Yang Berhormat bagi Jelutong dia telah mengambil *political mileage*. Dahulu dalam Dewan ini dialah yang suruh desak ambil tindakan kepada Dato' Seri Anwar Ibrahim. Bila kita sudah ambil, dia pula jadi hero. Bila dia jadi hero, kita tanya berapa yuran dia ambil, dia kata satu sen pun dia tidak ambil sedangkan Ummi Hafilda dengan Azizan jumpa dia terlebih dahulu tidak diambalnya. Selepas itu dia mengelirukan lagi, dia kata Ummi Hafilda dan Azizan berjumpa dia bukan berjumpa sebagai seorang peguam tetapi sebagai seorang Ahli Parlimen. Ini mengelirukan Dewan. Sebab apa hendak jumpa Ahli Parlimen bagi Jelutong, Ahli Parlimen lain pun ramai lagi.

Tuan Yang di-Pertua, maka saya rasa Majlis Peguam harus juga membuat laporan kepada Lembaga Tatatertib supaya tindakan yang sewajarnya harus diambil dan harus dipinda Akta Profesion Guaman supaya diasingkan yang mana wakil rakyat jangan dibenarkan jadi peguam bela. Bagi dia jadi *solicitor* sahaja, barulah tidak ada *conflict of interest* kalau ada isu-isu yang melibatkan politik.

Sekian, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yan.

12.42 tgh.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin [Yan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana mungkin kita berada di persimpangan. Pilihan raya kita mungkin menjelma bila-bila masa sahaja. Kita menyerah kepada rakyat kerana rakyat Malaysia ini telah 42 tahun merdeka, kita harus faham dan peka tentang kerja buat Kerajaan Barisan Nasional, tentang perjuangan kemerdekaan Perikatan dan UMNO sehinggalah negara kita ini menjadi sebuah negara yang terkenal di seluruh pelusok dunia. Ini dalam masa 42 tahun bukan perkara yang mudah. Ada negara yang telah mencapai kemerdekaan beratus-ratus tahun tetapi mereka tidak berjaya untuk menyatupadukan rakyat yang sebangsa dan seagama. Apatah kita di sebuah negara yang majmuk yang terdiri daripada berbilang bangsa, agama dan kaum dapat hidup bersama menikmati hasil daripada kemerdekaan tuntutan datuk nenek kita dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini bukan mudah. Keamanan bukan boleh dapat kita beli dengan wang ringgit, keamanan tidak boleh wujud dengan sempurna kalau bukan persefahaman antara rakyat yang berada di dalam negara kita ini. Bayangkanlah satu meja kita boleh duduk – orang Cina boleh duduk, orang India boleh duduk, orang Melayu boleh duduk makan sekali. Lihat baru-baru ini Deepavali orang-orang Melayu dan orang Cina bersama-sama merayakan Deepavali, menghormati di antara satu sama lain. Begitu jugalah semasa Tahun Baru Cina dan juga Hari Raya Aidilfitri. Jadi, ini adalah satu budaya yang unik di Malaysia yang telah menjadi contoh kepada negara-negara lain yang dibina oleh kerajaan, oleh rakyat.

Oleh yang demikian, kita menyeru kepada rakyat dan juga kepada parti-parti pembangkang untuk menghargai keamanan, menghargai kesejahteraan dan kebahagiaan yang kita dapat pada hari ini. Mungkin kita tidak menilai keamanan kerana kita tidak pernah menghadapi keadaan yang susah. Mungkin sekali dalam sejarah kita iaitu 13 Mei, tetapi selepas itu sejarah pahit getir hidup rakyat kita tidak alami. Kita tidak pernah mengalami taufan, puting beliung, gempa bumi. Kita tidak pernah menghadapi kacau-bilau, haru-biru di dalam negara. Malah setiap masa dan ketika negara kita ini berada di dalam keadaan yang aman dan sentosa. Jadi, ini adalah satu nikmat yang Tuhan beri kepada kita. Kurnia Allah S.W.T. kepada kita yang perlu kita ambil iktibar sebagai satu teladan dan kebanggaan kita sebagai rakyat Malaysia dalam negara kita ini untuk negara luar tontoni bahawa negara kita ini adalah sebuah negara yang ditadbirkan oleh kepimpinan yang pandang jauh ke hadapan, kepimpinan yang memahami cita rasa rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, kita dapat lihat di saat-saat akhir ini berbagai-bagai peristiwa, detik-detik yang tidak pernah kita terbayang berlaku di dalam negara kita ini. Kita dapat lihat bagaimana kerana kepentingan peribadi, kepentingan parti, mereka sanggup menggadaikan keamanan, menggadaikan maruah negara, menjatuhkan maruah pemimpin negara, menjatuhkan maruah agama, menjatuhkan segala-gala yang dibina selama 42 tahun ini. Ini semata-mata kerana ingin untuk menjadi kerajaan, untuk membentuk kerajaan di mana cita-cita itu bagi pandangan saya, Insya-Allah, tidak akan dimakbulkan oleh Allah S.W.T. kerana nawaitu kepimpinan 'Barisan Alternatif' daripada awalnya lagi sudah tidak bukan untuk rakyat tetapi untuk kepentingan individu.

Tuan Yang di-Pertua, kita perlu ingat seandainya berlaku haru-biru dalam negara kita ini seluruh rakyat akan menanggung penderitaannya. Anak dalam kandungan hinggalah ke datuk nenek kita yang masih ada, sisa-sisa para pejuang kemerdekaan yang masih ada ini juga akan menanggung penderitaan. Lihatlah betapa susah payahnya deritanya rakyat di negara-negara lain seperti di Bosnia, Kosovo, Chechnya, Palestin, di merata-rata negara lain lihatlah bagaimana titisan darah setiap hari mengalir di bumi mereka sendiri kerana tidak ada ketentuan politik dan juga persefahaman di antara mereka itu tidak wujud.

Yang pentingnya, Tuan Yang di-Pertua, jangan sekali-kali rakyat Malaysia ini menjadi penderhaka, menjadi dalang kepada Barat, menjadi dalang kepada Yahudi untuk menjatuhkan kepimpinan negara kita ini. Sebagai bangsa Melayu yang beragama Islam dan rakyat Malaysia, saya tidak reda melihat anak bangsa saya, melihat rakyat negara kita ini satu hari nanti terpaksa melutut kepada Barat, terpaksa melutut kepada penjajah untuk menyambung hidup di buminya sendiri dan tidak mampu saya melihat satu hari nanti bangsa merdeka ini menjadi bangsa yang dihina di atas tanah airnya sendiri. Lihatlah peristiwa ini benar berlaku dan sedang berlaku, telah berlaku dan akan berlaku seandainya ada rakyat Malaysia, ada parti-parti pembangkang yang sanggup membenarkan diri mereka ini didalangi, sanggup menjadi pengkhianat kepada negara, bangsa dan agama.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru kepada 'Barisan Alternatif', kepada pemimpin-pemimpin parti-parti pembangkang supaya menghadkanlah hujah-hujah mereka apabila mereka mengadakan ceramah, kerana perbuatan mereka ini kadang-kadang terlalu sayu, mungkin di dalam Dewan Rakyat ini kadang-kadang mereka berlakon menjadi seorang tokoh. Contohnya Ahli Yang Berhormat bagi Kubang Kerian kelmarin bercakap dengan nada yang sedih, nada yang sayu dan saya dilihat seolah-olah sebagai seorang yang garang dan sebagainya tetapi saya ini seorang yang cukup lemah-lembut. Saya ini diasuh oleh ibu bapa saya supaya jangan mengata dan jangan berlaku kasar, tetapi kadang-kadang untuk mempertahankan maruah.

Tuan Yang di-Pertua, apabila mereka berada di luar mereka memaki hamun pemimpin, memaki hamun sebangsa dan seagama sehinggakan begitu hina sekali, sehinggakan kadang-kadang ayat-ayat yang tidak patut dikeluarkan oleh mereka. Dan ada juga pemimpin-pemimpin mereka dalam parti PAS yang contohnya dianggap diri mereka sebagai ulama, mengeluarkan fatwa-fatwa, mengeluarkan kata-kata yang menghina bangsa, menghina agama dan menghina kepimpinan negara kita ini. Jadi, ini adalah satu benda yang tidak sepatutnya berlaku di dalam negara kita yang serba moden ini.

Seandainya kerajaan tidak berlaku adil sebutkan apa yang tidak adil itu, seandainya kerajaan berlaku zalim sebutkan apa yang zalim itu, seandainya kerajaan ini rasuah, kerajaan ini tidak betul dan sebagainya, beritahu, kita ada laporan. BPR menjalankan tugas dengan baik. Apakah salah BPR menjalankan tugas apabila siasatan dibuat. Contohnya, Ahli Yang Berhormat bagi Permatang Pauh, beliau sendiri yang mencadangkan pindaan Rang Undang-undang Rasuah di Dewan yang mulia ini. Beliau sendiri yang mencadangkan kita lulus di dalam Dewan Rakyat. Tok-tok hakim hanya menjalankan tugas. Apabila rang undang-undang yang beliau sendiri bawa dalam Dewan Rakyat kena pada diri dia, dia sendiri mengatakan tidak adil. Jadi, ini sebenarnya tidak adil kalau dia bercakap demikian. Semasa beliau berada dalam kerajaan, semasa beliau mendapat sokongan daripada kerajaan apakah lagi yang tidak kena, beliau mendapat segala-galanya kalau dibanding dengan kami wakil-wakil rakyat yang lain. Beliau mendapat penghormatan, beliau mendapat kesenangan, beliau mendapat kekayaan daripada hasil jawatannya sebagai Timbalan Perdana Menteri dan juga sebagai Timbalan Presiden parti.

Tetapi apabila beliau di dalam parti pembangkang, mereka kata macam-macam, menghina pemimpin yang mengangkat beliau itu daripada bawah, daripada seorang anak

kampung Permatang Pauh, dari Cherok Tok Kun, diangkat menjadi Timbalan Perdana Menteri, tergamak beliau memaki hamun seorang pemimpin yang bagi saya sepatutnya dianggap Dato Seri Dr. Mahathir itu sebagai bapa kepada beliau. Tetapi pada masa kini, rakan-rakannya memaki hamun, anak-anak muda yang 'kanyak' lagi dalam politik, pemimpin-pemimpin UMNO yang dahulu muda dalam politik hari ini masuk parti KeADILan yang masih kanyak bagi saya, sanggup memaki hamun kepimpinan yang telah mewujudkan kebahagiaan dan kesejahteraan negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, penyelewengan-penyelewengan yang dijalankan oleh Yang Berhormat bagi Permatang Pauh semasa beliau menjadi Menteri Kewangan perlu kita cari, perlu kita kutip dan perlu kita buktikan kepada rakyat. Saya juga ingin menyarankan kepada kerajaan supaya menyasiat syarikat-syarikat yang hendak di 'listing' kan di BSKL kerana saya difahamkan ada syarikat-syarikat yang terpaksa beri sogokan kepada beliau sebelum syarikat-syarikat ini dapat didaftarkan ataupun di 'listed' di BSKL.

Tuan Yang di-Pertua, apabila Datuk Murad mendedahkan RM3 bilion – bayangkan RM3 bilion. Ini adalah satu pengkhianatan kepada rakyat di kampung, ini adalah satu pengkhianatan kepada masyarakat miskin. Peruntukan wang ini boleh kita beri kepada rakyat yang memerlukan bantuan PPRT, perlu diberikan kepada anak-anak yatim yang memerlukan rumah anak yatim yang lebih selesa, memberi kepada sekolah-sekolah di luar bandar yang memerlukan ini semua, memberi pembangunan-pembangunan kepada luar bandar. Tetapi beliau rompak duit rakyat, menipu rakyat hinggakan sanggup dan tergamak menjadi ejen kepada Barat untuk menghancurkan pemimpin yang telah mengangkat beliau daripada bawah ke tahap yang sedemikian.

Saya menyeru kepada kerajaan dan juga kepada pihak-pihak berkuasa supaya memperincikan, janganlah kita tertipu, janganlah kita bersimpati dengan rayuan-rayuan

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Yang Berhormat bagi Rompin bangun.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Sila, sila.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Yan. Ambil nafas sedikit. Hendak air, kita boleh hantar air. Tadi Yang Berhormat ada mengatakan bahawa wang RM3 bilion yang Datuk Murad kemukakan satu pengakuan kepada kita semua. Kemungkinan sumber-sumber wang yang membiayai satu jumlah wang yang besar itu termasuk kemungkinan syarikat-syarikat yang mungkin syaratnya tidak mencukupi tetapi ada arahan supaya Suruhanjaya Sekuriti menyenaraikannya. Adakah ini yang Yang Berhormat maksudkan? Kalau itu, adakah Yang Berhormat mahu mengesyorkan supaya Suruhanjaya Sekuriti membuat siasatan adakah benar pertama, syarikat-syarikat yang diapungkan, tidak boleh diapungkan oleh kerana syarat-syarat tidak mencukupi. Tetapi diarah diapungkan juga oleh kerana itu ada habuannya, yang pertama.

Keduanya, ada juga *corporate exercise* yang mana hendak disusun semula atau membuatkan *rights issue* dengan izin, ini kadang-kadang juga tidak mengikut syarat ataupun dia terpaksa pergi beratur, bergilirlah tetapi dia macam beratur naik bas tetapi dia panjat ikut tingkap – dia tidak mengikut 'queue' nya. Ini juga kadang-kadang hendak potong *queue*, ia ada tolnya. Adakah ini juga di antara perkara Yang Berhormat maksudkan? Kalau Yang Berhormat setuju, adakah Yang Berhormat sanggup bersetuju supaya dicadangkan Suruhanjaya Sekuriti menyasiat dan membuat laporan kepada kerajaan. Saya minta pandangan Yang Berhormat bagi Yan.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih Yang Berhormat bagi Rompin, memang saya pun bermaksud begitu tetapi kerana saya agak *emotional* sedikit hari ini kerana saya merasakan bahawa kalau manusia itu tidak bersyukur kepada nikmat yang Tuhan beri itu, saya anggap manusia itu bukan seorang hamba Allah yang bersyukur. Memang benar saya menyarankan *Securities Commission* menyasat balik, saya faham orang cerita kepada saya, saya ini bukan berniaga besar, saya tidak ada apa tetapi saya memahami kadang-kadang kena beri duit. Ada kawan-kawan kita kena beri duit untuk hendak diapungkan syarikat, kadang-kadang macam Yang Berhormat bagi Rompin kata lompat (*cross*) dan sebagainya.

Saya juga minta kalau boleh Lembaga Hasil Dalam Negeri membuat siasatan balik kepada tokoh-tokoh korporat yang sezaman beliau dahulu dan juga anak-anak muda ini yang *overnight* jadi *millionaire*.

Tuan Yang di-Pertua, hendak jadi jutawan ini bukan mudah, susah kita hendak cari duit dan sebagainya. Tetapi ada yang *overnight millionaire*, dok kanyak lagi tau-tau jadi jutawan. Syarikat berpuluh-puluh, saya ini sudah setengah abad hendak masuk 50 tahun dok nyek-nyek cari makan. Sudahlah tu *act* pula, sudah sapu duit semua, masuk ke dalam parti KeADILan, hentam kita pula. Inikah adil, ini anjing pun kalau kita beri dia makan, kita jaga dia, bila orang datang hendak kacau tuan dia, dia salak. Ini manusia yang dapat kekayaan, kesenangan daripada yang ada ini, sanggup maki hamun, semuanya tidak kena termasuklah PAS. Pergi kutip duit rakyat di kampung, kasihan dekat orang kampung, sudahlah harga padi tidak berapa setakat mana, harga getah pun – hangpa pergi ceramah, kutip duit kononnya fisabilillah, berjuang untuk jihad. Tetapi selepas itu faraid sesama hangpa. Adakah adil Tuan Yang di-Pertua?

Jadi, saya merayulah kepada rakyat, merayu kepada pegawai-pegawai kerajaan, merayu kepada guru-guru dan sebagainya jangan kita terpengaruh dengan sandiwara, filem Hindustan

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Yang Berhormat bagi Rompin bangun lagi.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya tertarik dengan pandangan Yang Berhormat bagi Yan tentang kerjasama ketiga-tiga parti ini. Kita akuriah sedikit sebanyak, tidak menidakkan kekuatan PAS di luar bandar. Ada kekuatan jugalah, tidak hilang deposit orang kata, adalah kekuatan.

Di bandar kita hormati juga DAP ada kekuatan di bandar. Bermakna gandingan antara PAS dan DAP itu kadang-kadang memanglah ada gandingan kekuatan untuk bersama berhadapan sesuatu. Tetapi saya tidak nampak di mana kekuatan KeADILan? Di cawangan-cawangan – kita tahu semua tidak ada cawangan KeADILan. Kalau nanti hendak bertanding pun mungkin parti KeADILan tetapi PAS tidak akan bertanding, atau DAP tidak akan bertanding. Jadi, apa sumbangannya parti KeADILan ini dalam rangkaian tiga ini? Adakah sumbangannya hendak beri sumbangan harta yang banyak tadi kepada pakatan ini. Jadi apakah pandangan Yang Berhormat mungkin KeADILan ini merupakan jadi orang kata pembiayaan kewangan bagi barisan yang dikatakan barisan pembangkang. Maknanya, mereka ini menjadi tukang beri fulus [*Disampuk*] jadi tauke kepada parti pembangkang ini. Adakah Yang Berhormat bagi Yan bersetuju tentang apa yang saya sarankan tadi?

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Memang tepat Yang Berhormat bagi Rompin. Tepat sekali. Memanglah parti KeADILan ini macam nyamuk seekor, dia dok ngau, ngau, dia hinggap tidak boleh, kena tampar mati. Tetapi memanglah Yang Berhormat bagi Kepong buat bodoh apabila saya bercakap pasal itu. Dia buat bodoh, dia

buat baca tetapi sebenarnya dia pun subahat sama. Memang parti KeADILan yang ada duit banyak, mungkin duit ini pun disokong oleh luar, disokong oleh orang-orang kaya luar, disokong oleh Barat untuk meruntuhkan negara kita ini. Kemudian tengok pula bercemperanya rakyat kena faham, kena faham bahawa Barisan Alternatif ini bercelaru. Depa sama depa dok berebut, adakah orang yang duduk dalam penjara hendak diberi jadi Perdana Menteri, fikir sudahlah. Kemudian sudahlah pula, yang ini Mursyidul Am PAS kata lagu lain, yang Fadzil Nor kata lagu lain.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:jadi, depa dan DAP – ya, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Masa untuk pagi ini cukup.....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Saya boleh sambung

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat ada sepuluh minit untuk sambung sebelah petang.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, beri 15 minit, sambung ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Oh sambung. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sambung, sambung sebelah petang.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, saya akan sambung. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dewan yang mulia ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

[Tuan Yang di-Pertua *masuk sambil tersenyum*]

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Tuan Yang di-Pertua tersenyum, pasal apa, Tuan Yang di-Pertua? [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Pokok Sena tidak pakai songkok hari ini. [Ketawa]

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Dewan hendak bubar, Tuan Yang di-Pertua. [Ketawa]

PERISYTIHARAN TUAN YANG DI-PERTUA

PEMBUBARAN PARLIMEN YANG KESEMBILAN

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, pada jam 12.45 tengah hari sekejap tadi, saya telah menerima satu Titah Perisytiharan daripada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang menitahkan bahawa Parlimen Yang Kesembilan hendaklah terbubar pada hari Khamis 11 November 1999. Saya juga telah memaklumkan kepada Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya berkenaan dengan perkara ini.

Saya akan membacakan perisytiharan itu sekarang.

“t.t.

(Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah)

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Bahawasanya adalah diperuntukkan oleh Fasal 2 Perkara 55 Perlembagaan Persekutuan bahawa Beta boleh membubarkan Parlimen. Maka, oleh yang demikian, Beta, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, bagi negeri-negeri dan wilayah-wilayah Malaysia, Yang di-Pertuan Agong, pada menjalankan kuasanya yang diberi kepada Beta sebagaimana tersebut di atas adalah dengan ini mengisytiharkan bahawa Parlimen Yang Kesembilan hendaklah terbubar pada hari Khamis, 11 November 1999.

Diperbuat di Istana Negara Beta di Ibu Kota Persekutuan Beta, Kuala Lumpur, pada hari Rabu, 10 November 1999.

Dengan Titah Perintah Baginda.

t.t.

(Dr. Mahathir bin Mohamad)

Perdana Menteri.” [Tepuk]

Ahli-ahli Yang Berhormat, berturut dengan perisytiharan ini, sidang Dewan Rakyat yang sedang berlangsung sekarang hendaklah diberhentikan. Saya telah menyiapkan Usul untuk memberhentikan mesyuarat Dewan Rakyat sekarang.

Sebelum itu, saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian yang telah memberi kerjasama kepada saya dan juga kepada Timbalan-timbalan saya sehingga sidang Mesyuarat Dewan Yang Kesembilan berjalan dengan lancar dan beroleh kejayaan. Saya mengucapkan selamat kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Saya menuntut maaf jika pada pengengerusikan mesyuarat, saya dan Timbalan-timbalan saya melakukan apa-apa kesilapan atau terlanjur tutur kata. Sekarang saya akan memanggil seorang menteri untuk mengemukakan Usul.

Tuan Lim Hock Seng: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Bagan, apa yang hendak diucap?

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meminta satu penjelasan daripada Tuan Yang di-Pertua sama ada *Budget* yang sedang kami bincangkan ini akan luput dan tidak akan berkuat kuasa dan Ahli-ahli Parlimen yang baru kena membentangi atau membicarakan *Budget* ini sekali lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Pada fikiran saya, oleh sebab *Budget* ini belum diluluskan, oleh yang demikian kerajaan baru yang akan dilantik selepas daripada pilihan raya ini akan mengemukakan satu *Budget* baru untuk kerajaan yang baru itu.

Tuan Lim Hock Seng: Terima kasih.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, kami menerima berita daripada Tuan Yang di-Pertua dengan dada yang terbuka dan saya bagi pihak Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi kepimpinan di dalam menguruskan mesyuarat dengan baik dan mudah-mudahan Parlimen yang akan datang juga akan membuktikan bahawa Barisan Nasional masih lagi mampu memberi pembelaan, *[Tepuk]* akan juga terus mampu memberi pembelaan kepada rakyat jelata oleh kerana Barisan Nasional adalah parti yang terbaik bagi pilihan rakyat Malaysia. Terima kasih. *[Tepuk]*

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, ucapan saya tadi tergantung..... *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Itu bukan silap saya. *[Ketawa]*

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Jadi, ucapan saya tergantung, tidak baiklah kata orang. Jadi, saya mengambil kesempatan ini, pertama, untuk mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang kami semua kira telah dapat menjaga keadaan Dewan dengan begitu baik sebagai satu keluarga dan juga saya memohon maaf kepada semua seandainya semasa saya menjadi Ahli Parlimen, maklumlah kadang-kadang kita terlanjur kata terkasar bahasa, insya-Allah, kalau Tuhan memurahkan rezeki, saya akan kembali di Parlimen Yan *[Ketawa]* dan saya berharap, macam tadi jugalah, insya-Allah, Barisan Nasional akan dirahmati Allah *[Tepuk]* dan akan terus memerintah negara kita ini.

Sekian, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, menyokong apa Yang Berhormat? Belum lagi. *[Ketawa]*

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Menyokong Barisan Nasional dan kerajaan, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, tidak ada apa lagilah ya, baiklah.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Boleh bercakap?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, hendak bercakap bolehlah ya. Hendak bercakap apa ya.

Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin: Semalam sudah bercakap.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Ha? Boleh bercakap sekali lagi.

Tuan Yunus bin Rahmat: Bercakap hendak masuk Barisan Nasionalkah?

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak parti PAS mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dalam mengendalikan Parlimen terutama sesi 1995 hingga 1999 dan sesiapa yang tidak dapat datang ke Parlimen selepas ini, harap bersabarlah. *[Ketawa]* Kemungkinan kami akan duduk di sebelah kotak sana. *[Ketawa]* *[Sorak]* Dan sekali lagi segala yang terkasar bahasa, keterlaluan cara, kita memohon maaf. Yang penting pada masa akan datang, kita harap kita dapat hidupkan suasana demokrasi yang lebih dan kerajaan mesti bersikap lebih telus, siapa yang berkuasa,

supaya tidak menimbulkan perkara-perkara yang tidak diinginkan pada masa yang akan datang. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan M. Kulasegaran: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya.

Tuan M. Kulasegaran: Terima kasih, Tuan Speaker. Saya bagi pihak DAP dan parti 'Barisan Alternatif' berterima kasih kepada Tuan Speaker dan timbalannya yang telah mengendalikan kerja dengan bagus. Tuan Speaker, yang mustahak adalah saya harap pilihan raya ini bukan akan menjadi satu pilihan raya yang terkotor seperti yang dikatakan oleh Dato Seri Dr. Mahathir. *[Sorak]* Saya harap semua akan bekerjasama dan buat apa yang baik untuk negara, masyarakat dan semua di sini. Saya harap seberapa yang boleh Ahli Parlimen daripada Barisan Nasional jangan balik ke Parlimen ini dan kita harap kita ada lebih kuasa pada sesi yang akan datang. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Machang.

Dato' Haji Sukri bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional dari negeri Kelantan ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada Tuan Yang di-Pertua dan dua timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat yang telah mengendalikan sesi Dewan Rakyat daripada tahun 1995 hingga pembubaran dan, insya-Allah, kami di negeri Kelantan berazam untuk mengembalikan maruah Barisan Nasional, insya-Allah. *[Tepuk]* Insya-Allah, kita akan merampas negeri Kelantan Darul Naim. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

[Lebih kurang sepuluh orang Ahli Yang Berhormat bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Eh, banyak sangat ini. *[Ketawa]* Jadi macam mesyuarat balik. *[Ketawa]* Kuala Pilah, ya.

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengambil kesempatan di sini mewakili tujuh orang sahabat-sahabat saya dari Negeri Sembilan Darul Khusus mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan timbalan kerana telah dapat bersama-sama dalam tempoh lima tahun yang lepas dan, insya-Allah, ketujuh-ketujuh Ahli Parlimen dari Negeri Sembilan akan kembali ke Dewan ini, insya-Allah. Saya mengucapkan terima kasih. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Pokok Sena ya, tidak ada songkok hari ini, ya. *[Ketawa]*

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Minta dia jelaskan mengapa tidak memakai songkok pada hari ini.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Hari ini saya tidak memakai songkok oleh sebab saya berniat kalau saya menjadi Ahli Parlimen, saya datang pakai songkok dan hari ini saya berasa Parlimen hendak bubar, jadi saya tidak pakai. Selalu saya pakai, depa ingat saya tidak ada rambut, *[Ketawa]* hari ini baru depa tengok, depa terkejut tengok saya ada rambut, depa dok ingat macam Menteri Luar Negeri.

Saya juga bagi pihak saya sendiri *[Ketawa]* meminta maaf kepada Tuan Yang di-Pertua sebab saya selalu melawak dengan Tuan Yang di-Pertua. Semasa Tuan Yang di-Pertua mengendalikan majlis kadang-kadang bila saya nampak Tuan Yang di-Pertua mengantuk, saya tarik Tuan Yang di-Pertua masuk dalam Parlimen supaya Tuan Yang di-Pertua tidak mengantuk. Saya tahu tempat Tuan Yang di-Pertua adalah satu tempat yang amat susah, dok dengar orang bercakap sebab yang bercakap ini pun bukan setengahnya yang bagus sangat. Bila dengar pembangkang bercakap itu saya tidak faham, Tuan Yang di-Pertua tidak tahan telinga. Jadi, saya berharap selepas pilihan raya ini walaupun kalaulah

andai kata kita tidak ada rezeki, tidak balik kembali ke Parlimen, saya harap pihak pembangkang pun tidak ada di sebelah sana sebab kita pun sebagai Ahli Parlimen Barisan Nasional pun kita selalu membangkang, bukan kita selalu ikut 'pak turut' macam depa kata. Saya percaya saya banyak membangkitkan perkara-perkara untuk kepentingan rakyat semua.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Masa cukup.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Jadi, saya berharap kita tidak perlu pembangkang. Negara kita ini tidak perlu pembangkang sebab kita pun sentiasa memperjuangkan untuk kebaikan. Saya berharap puak-puak sebelah pembangkang itu tidak ada lagi. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Rompin.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bercakap sedikit sahaja, saya menyokong usul ataupun cadangan ataupun saranan yang dibawa oleh Parit Sulong sebagai Presiden BBC, saya sebagai timbalan dan Presiden Ahli Parlimen UMNO ingin menyokong saranan Parit Sulong iaitu terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, penghargaan kepada Tuan Yang di-Pertua dan jika ada kekurangan daripada kami semua, kami meminta maaf tetapi yakinilah, kami di sini amat banyak mempelajari daripada Tuan Yang di-Pertua sendiri terutama saya sendiri dan saya yakin yang lain pun begitu juga. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. *[Tepuk]*

Dr. Tan Chong Keng: *[Bangun]*

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: *[Bangun]*

Tuan Robert Lau Hoi Chew: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: MCA, MCA, Bukit Mertajam, ya.

Dr. Tan Chong Keng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mewakili rakan-rakan saya dalam Dewan ini daripada MCA khasnya *Back-benchers* untuk mengucapkan ribuan terima kasih di atas peluang-peluang untuk berucap dan soalan-soalan tambahan yang diberi di dalam Dewan ini. Lebih-lebih lagi ada peluang bagi kita sama-sama memperjuangkan hasrat dan wawasan Barisan Nasional, *[Tepuk]* barisan yang unggul sekali dalam Malaysia ini yang boleh memastikan kemajuan dan kejayaan negara ini. Jadi, saya harap kita sama-sama balik ke kawasan, kerja kuat-kuat supaya kembali ke sini untuk memastikan Budget itu diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Sib.

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya pun bagi pihak rakan-rakan saya daripada SUPP Sarawak ingin mengemukakan sokongan kepada cadangan oleh Pengerusi *Backbenchers* dan saya yakin Barisan Nasional tentu akan menang di dalam pilihan raya akan datang dan saya pun bersetuju sepenuhnya apa yang dikatakan oleh Pokok Sena iaitu kita di sini tidak perlu pembangkang kerana *Backbenchers* ini sudah cukup kukuh untuk memberi.....

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Ambil semualah!

Tuan Robert Lau Hoi Chew:*control check* dan lain-lain, lebih berkesan dan lebih mampu daripada peranan yang dimainkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat daripada parti pembangkang. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan timbalannya kerana memberi peluang untuk kami berbahas dalam situasi yang adil dan memberi peluang kepada semua. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Larut.

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Yang kita kasihi, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih sebagai *one of law abiding citizens*, [Disampuk] sebagai MP yang taat kepada Tuan Yang di-Pertua, yang bercakap apabila ada *facts* sahaja, tidak bangun tergopoh-gapah. [Ketawa] Jadi, saya mengucapkan terima kasih kepada timbalan-timbalan speaker, ahli-ahli Dewan semua, pegawai-pegawai Dewan semua yang mana telah bekerjasama dan saya tidak ada *any heartsick* kepada Parlimen..

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Jangan menangis.

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Saya rasa Barisan Nasional akan menang lagi dan, Insya-Allah, kita akan diberi peluang berucap. Saya sudah menyiapkan ucapan yang akhir, [Ketawa] hari ini, ucapan *Budget*, bukan ucapan akhir untuk Parlimen tetapi untuk *Budget* tetapi tidak dapat berucap. Dan segala usaha yang ditunjukkan oleh Tuan Yang di-Pertua itu menjadi teladan dan, Insya-Allah, kami akan balik kempen berhabis-habisan untuk menghapuskan 'Barisan Alternatif' kerana mereka tidak ada alternatif, mereka kata parti mereka parti alternatif. Insya-Allah, mereka tidak ada di sebelah sana. Sekian. [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua: Sri Aman.

Tuan Jimmy Donald: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya pun bagi pihak rakan-rakan saya dari Sarawak lebih-lebih lagi daripada parti saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, timbalan-timbalan dan semua pegawai Parlimen kerana telah memberi layanan kepada kami dan juga saya ingin merakamkan terima kasih kerana Tuan Yang di-Pertua selama lima tahun ini telah berjaya membersihkan Parlimen. Dahulu saya kompelin tentang jamban, tentang kawasan tetapi sekarang jamban sudah bersih, Dewan sudah bersih, kantin pun sudah bersih. Jadi, [Disampuk] mungkin pembangkang dibersihkan. [Ketawa] Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada usaha-usaha Tuan Yang di-Pertua dan semua pegawai yang bertugas di Parlimen. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Selangau.

Tuan Joseph Mauh anak Ikeh: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya hendak berucap mengenai *Budget*, ini tebal ini. [Ketawa] Saya bagi pihak Parti Bansa Dayak Sarawak dan Ahli-ahli Parlimen dari Sarawak mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan saya harap Ahli-ahli Parlimen dari Sarawak dapat sapu semua dan balik ke Dewan ini sekali lagi [Tepuk] kerana di Sarawak memang parti Barisan Nasional kuat dan saya harap juga kita balik ke sini lebih kali ini, lebih dua pertiga majoriti Parlimen kita sebab rakyat sudah tahu hanya Barisan Nasional sahaja dapat memerintah negara kita ini dengan taat, setia dan jujur kepada rakyat dan rakyat yang berbudi akan memilih Barisan Nasional. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Santubong.

2.50 ptg.

Puan Hajah Rohani binti Haji Abd. Karim [Santubong]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya dengan rasa berat hati walaupun kita telah menanti hari ini tetapi bila ianya sampai, memang saya rasa 'shock' itu masih juga dirasa, tetapi syukur Alhamdulillah, saya bagi pihak parti PBB Sarawak dan ahli-ahli Parlimen Sarawak walaupun ramai telah bercakap ingin mengucapkan jutaan terima kasih atas kesabaran Tun Yang di-Pertua dalam mengendalikan kami di dalam Dewan ini dan juga kepada kedua-dua Timbalannya dan juga daripada wanita sebab kami memang tahu, walaupun kami tidak ramai tetapi suara kami sentiasa diberi keutamaan bila kami berdiri untuk berucap. Tetapi, satu perkara sebelum saya duduk dan mohon maaf juga kepada semua daripada Tun, Timbalan dan juga semua pegawai yang di dalam dan juga di luar Parlimen ini, pertamanya ingin dirakamkan walaupun niat itu memanglah baik, saya ingin mengucapkan jutaan

terima kasih bagi pihak semua, sebab Tun telah sudi hendak mengendalikan Malam Mesra, kita merancang ya Tun, tetapi insya-Allah, mungkin *next time* Tun akan buat *welcome*. Jadi muka-muka ini akan datang semula, insya-Allah, dan Sarawak akan memberi semua Kerusi kepada Barisan Nasional. Terima kasih Tun. [*Tepuk*]

2.51 ptg.

Tuan Yunus bin Rahmat [Jelebu]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya bagi pihak rakyat Jelebu dan Ahli-ahli Parlimen, baru satu penggal [*Ketawa*] ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada kerajaan terutamanya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana memberi peluang kepada kami menjadi Ahli Parlimen, rakan-rakan yang satu penggal pun saya ingat insya-Allah berdoa untuk dapat *term* yang kedua, termasuk saya. [*Ketawa*] Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Tun di atas tunjuk ajar dan juga ingatan, pesanan dan peluang-peluang yang diberikan kepada saya dan juga rakan-rakan, kerana maklumlah sebagai Ahli Parlimen baru pertama kali dan penggal pertama, tentunya tidak begitu faham peraturan dan sebagainya.

Dan juga, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada seluruh rakan pegawai-pegawai kerajaan yang dalam PTB, PTA dan sebagainya, bagi pihak jabatan dan kementerian mereka bertugas hari-hari, macam saya dahulu juga selama beberapa tahun jadi gurkha pelapor Dewan Rakyat dan sebagainya.

Jadi, saya doakan di atas kerja kuat tuan-tuan, saudara saudari sebagai kakitangan kerajaan yang bekerja kuat siang dan malam untuk menjalankan dasar-dasar kerajaan dan tahniah kepada kerajaan kerana mempertimbangkan bonus satu bulan dan juga kenaikan 10% gaji kakitangan kerajaan dan kita harap sokongan kepada Kerajaan Barisan Nasional daripada kakitangan kerajaan akan berterusan kerana Barisan Nasional adalah satu parti yang boleh membina kehidupan kita semua rakyat di Malaysia ini. Sekian, terima kasih Tun, mohon maaf. Terima kasih.

2.52 ptg.

Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said [Kuala Nerus]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya sebagaimana rakan-rakan saya mewakili tujuh orang Ahli-ahli Yang Berhormat daripada negeri Terengganu merakamkan ucapan berbilang-banyak terima kasih kepada Tun yang saya satu orang muda merasakan bahawa peluang ini amatlah bermakna sekali kerana saya telah siapkan ucapan begitu panjang saya untuk melepaskan perasaan saya, saya hendak baca pesanan saya kepada rakan-rakan saya daripada PAS.

Peribumi melarat di bumi sendiri

Bumi dipijak milik orang

Bukan lagi anak kecil yang bermain api

Tetapi bapa yang angkuh cuba membakar diri

Terbakar bukan parti yang rugi

Dan terhina diri

Malah budi pekerti etika diri

dan maruah tidak dapat dicari ganti

Sekian, wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi Taala wabarakatuh.

2.54 ptg.

Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri bagi pihak saya dan parti saya meminta maaf kalau apa-apa kesilapan yang kita telah buat, inilah kali yang pertama Parlimen dibubarkan semasa bermesyuarat, tak pernah berlaku dalam sejarah Malaysia, saya tak tahulah sama ada sejarah itu baik atau tidak baik. Tetapi kita akan berpisah, kita akan mengadakan pilihan raya besar yang ke-10 dan kita harap bahawa Parlimen yang baharu, yang akan dibina ialah satu Parlimen buah-buahan daripada satu pilihan raya besar yang bukan terburuk sekali dalam sejarah Malaysia, tetapi satu pilihan raya besar yang bersih dan adil dan telus dan kita semua mengambil bahagian dalam pilihan raya besar ini sebagai rakyat Malaysia, semua cinta demokrasi, cinta negara, bukan sebagai musuh negara dan kita harap bahawa kita bolehlah mengadakan sikap itu supaya akhirnya kita ada satu Parlimen untuk alaf baharu, millenium yang baharu, yang boleh membawa negara kepada satu zaman yang lebih demokratik, lebih bebas, lebih adil dengan sekurang-kurangnya pecah *political hegemony* dalam negara kita. Sekian, terima kasih.

2.55 ptg.

Tuan Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Tun Speaker. Sekarang ini sudah tidak ada Peraturan Mesyuarat, Dewan sudah dibubar. Terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk menyampaikan ucapan dan saya rasa, saya boleh mewakili rakan-rakan dari Selangor seramai 17 orang semuanya Barisan Nasional, satu pun tidak ada pembangkang dan saya yakin yang akan datang ini pun ke-17 ini semuanya daripada Selangor, adalah Barisan Nasional. [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua, jadi saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tun dan juga dua orang Timbalan Speaker serta pegawai-pegawai Parlimen yang telah pun memberi kerjasama yang baik kepada kami dan saya secara peribadi juga ingin memohon maaf terutamanya kepada Tun dan dua Timbalannya, kadang-kadang kita buat kacau, buat bising, tidak mengikut peraturan-peraturan mesyuarat, ini kerana kita buat ini seperti mana Ahli Yang Berhormat bagi Yan cakaplah, bukan kita tidak tahu undang-undang tetapi ada orang yang langsung tidak hormati undang-undang.

Jadi, kalau orang sudah mula mengajar kita tidak menghormati undang-undang, jadi kita pun hendak kenalah buat lebih dari itu. Tuan Yang di-Pertua, saya pun bersetuju pembangkang ini sudah tidak perlu sebab pembangkang ini kita lihat langsung tidak ada modal. Jadi, saya rasa *backbencher* punya idea, pandangan, kritik lebih membina lagi daripada pembangkang dan kita harap yang akan datang 193 ahli dalam Dewan ini semuanya Barisan Nasional akan menduduki. Terima kasih. [Tepuk]

2.57 ptg.

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman [Parit Buntar]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ingat tadi tidak hendak bercakap, tetapi oleh kerana semua kawan-kawan bangun, saya ingat saya bolehlah bagi pihak Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional dari Perak untuk sama-sama berkongsi sentimen yang telah dinyatakan oleh kawan-kawan tadi tentang betapa kami begitu berasa seronok berada di sini terutama sekali di bawah kepimpinan Tun dan kami berdoa semoga dalam Parlimen Kesepuluh nanti, Tun akan berada di tempat yang sama. Kami ini tak tahu!h. [Tepuk]

Saya bersetuju dengan apa yang disebut oleh Ketua Pembangkang tadi, kita menghadapi pilihan raya ini dengan semangat kerjasama sebagai rakyat Malaysia yang beroperasi di bawah sistem demokrasi. Sebenarnya, yang saya ingat, Barisan Nasional tidak pernah menganggap pembangkang itu sebagai musuh, yang ada mungkin pembangkang itu sendiri menganggap Barisan Nasional sebagai musuh. Kalau kita lihat

cara mereka berkempen di kampung-kampung, memang serangan-serangan yang diberikan terhadap pemimpin-pemimpin Barisan Nasional seolah-olah langsung mereka ini tidak berguna dan ada di antara penyokong-penyokong parti pembangkang terutama sekali dari PAS yang langsung tidak mahu bertegur sapa dengan kita dari UMNO.

Jadi, ini menunjukkan, yang menganggap orang musuh ialah pembangkang, menganggap Barisan Nasional itu sebagai musuh.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi sebelum saya terlupa, kami di sini telah menerima kad jemputan untuk Jamuan Mesra yang akan di 'host'kan oleh Tun pada 24 Novmeber, jadi ini 'on' atau 'off'. [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Dibatalkan Yang Berhormat!

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman: Dibatalkan. [Ketawa] Terima kasih, itu sahaja.

2.59 ptg.

Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad [Lipis]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Sebelum saya pergi lebih panjang lagi, saya mengucapkan tahniah kepada Tun dan juga Timbalan-timbalan Yang di-Pertua dan juga kepada semua rakan saya dari kerajaan dengan barisan pegawai-pegawai kerajaan yang telah hadir bersama di sini di Parlimen Yang Kesembilan ini, satu Parlimen yang bersejarah bagi kita di Malaysia ini kerana dalam tempoh yang begitu singkat ini, kita dapat meluluskan pelbagai kemajuan untuk negara kita. Umpamanya, MSC, kemudian kita ada lapangan terbang yang baru, Putrajaya di antara perkara-perkara yang telah dapat kita jayakan. Dengan itu, saya bersama dengan rakan-rakan saya, pagi tadi mendengarkan berita akan khabar-khabar angin akan dibubarkan pada petang ini, tetapi hari ini nampaknya petang ini sahlah, tetapi kami dengan rasa terbuka dan memang menunggu-nunggu sahaja akan kembali untuk memastikan bahawa Barisan Nasional ini akan diberi peluang sekali lagi. Terima kasih.

3.00 ptg.

Tuan Yeong Chee Wah [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua, pada saat ini perasaan saya sama juga apabila saya datang ke Dewan yang mulia ini, pada tahun 1995 dan walau bagaimanapun, pada kali ini saya tidak ada peluang untuk mengambil kesempatan membahaskan Belanjawan 2000, tetapi saya yakinlah saya akan kembali dan dengan rakan-rakan saya akan kembali ke Dewan ini untuk melanjutkan bersama-sama dengan Tun membahaskan Belanjawan 2000.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya kaum Cina pada pilihan raya yang akan datang memanglah bersungguh-sungguh menyokong penuh kepada Barisan Nasional, oleh kerana saya yakinkan kaum Cina yang langsung tidak boleh percaya kepada parti pembangkang khasnya DAP dengan bersama-sama duduk dan tidur dengan PAS, memang mereka tidak bersetujulah. Oleh sebab itu, saya yakin kaum Cina akan bersatu-padu untuk menyokong sepenuhnya kepada Barisan Nasional, memang Barisan Nasional adalah barisan yang terbaik sekali dan saya yakin majoriti 2/3 di Dewan yang mulia ini, akan dimenangi oleh Barisan Nasional. Sekian, terima kasih. [Tepuk]

3.01 ptg.

Tuan Md. Isa bin Sabu [Kangar]: Tuan Yang di-Pertua, pertama saya minta maaf kepada Tun di atas mungkin berlaku kesilapan semasa saya berada di sini dan juga tahniah di atas kepintaran Tun dan Timbalan-timbalan Tun dalam mengendalikan mesyuarat di Dewan bagi sidang ke-9 ini dan di samping itu, Perlis ada tiga orang wakil sahaja dan saya anggap saya yang terakhir hari ini daripada negeri yang paling kecil sekali bilangan wakil rakyat yang ada di Dewan Rakyat ini.

Semasa kita masuk ke Dewan Ke-9, kita ada tiga orang wakil daripada Barisan Nasional, satu duduk di sebelah sana dan dua di sebelah sini. Kemudian bila berlaku pilihan raya kecil satu duduk di sebelah sana, tetapi insya-Allah kali ini, barangkali belah saya pun Arau akan masuk di sebelah sini. *[Tepuk]* Ini kita akan berusaha dan dengan sokongan rakan-rakan sekalian bahawa dalam sidang Parlimen Ke-10 nanti, tiga wakil rakyat dari Perlis akan duduk di sebelah Barisan Nasional. Terima kasih.

3.02 ptg.

Tuan Zainal Abidin bin Osman [Mersing]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Pertama, saya ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, dan juga kedua-dua Timbalan yang telah berjaya mengendalikan mesyuarat dengan begitu baik sekali dan sebenarnya saya bagi pihak ahli-ahli Parlimen negeri Johor, saya sebenarnya semalam hendak bercakap sebab Ahli Yang Berhormat bagi Parit Sulong telah bercakap, tetapi dia cakap bagi pihak BBC, jadi saya ambil kesempatan ini untuk berucap bagi pihak ahli-ahli Parlimen negeri Johor, Parit Sulong, Johor Bahru, Sungai Benut, Ledang, Sri Gading, Batu Pahat, Muar dan juga saya dari Mersing.

Saya percaya pada pilihan raya yang akan datang ini sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, Johor adalah merupakan tiang seri kepada UMNO, walaupun Yang Berhormat Kubang Kerian selalu melawat, selalu *attack* tempat saya, dia *attack* bahagian Endau/Mersing, tetapi saya percaya dengan kedudukan negeri Johor, insya-Allah, kita akan sapu bersih semua sekali 60 kerusi, 40 untuk Dewan Undangan Negeri dan 20 untuk Parlimen. Sekian, terima kasih.

3.03 ptg.

Tuan Karpal Singh [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya telah kenal Tuan Yang di-Pertua, semenjak tahun 1969 apabila Tuan Yang di-Pertua, dan saya di Alor Setar bersama-sama menjadi peguam dan dalam Parlimen yang mulia ini ada banyak kesilapan bagi saya. Tetapi itu adalah untuk rakyat, jikalau pun ada kesilapan tetapi untuk kepentingan rakyat. Ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, dan juga Tuan Speaker di sana dan Tuan Speaker Datuk Ong Tee Keat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingat dalam tahun 1984 saya dipecat dari Parlimen ini untuk *[Ketawa]*

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Tak payahlah, sila teruskan Yang Berhormat.

Tuan Karpal Singh: Saya telah dipecat dari Dewan yang mulia ini, kerana kesalahan *contempt of court*. Dan masa itu apabila saya meninggalkan Dewan yang mulia ini, saya ada memberi jaminan kepada semua Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini, saya kembali dalam pilihan raya yang akan datang, masa itu tahun 1986 dan saya kembali. Lima kali dari Jelutong saya kembali di sini, insya-Allah, *[Ketawa]* dalam pilihan raya yang akan datang saya kembali untuk DAP dan saya harap musuh saya dari Yan, BBC – Parit Sulong, Rompin semua ini berjaya untuk kembali ke Dewan yang mulia ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat, Usul Yang Berhormat, ya sila kemukakan Usul.

USUL**MERENTIKAN MESYUARAT DEWAN RAKYAT
DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 12(1)**

3.05 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Haji Mohamed Nazri bin Tan Sri Abd. Aziz]: Bismillahir-rahmanir-rahim. Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengemukakan Usul ini, izinkan saya bagi pihak Kerajaan Barisan Nasional yang mempunyai tradisi membela rakyat mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih di atas segala bimbingan dan tunjuk ajar yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Tun dalam mengendalikan Dewan Rakyat Yang Kesembilan yang akan dibubarkan. Insyallah dalam Parlimen yang ke-10 nanti, Barisan Nasional masih lagi berada di sebelah sini dan kita harapkan Tun juga yang akan mengemudikan Dewan Rakyat yang ke-10 yang akan dipanggil tidak berapa lama lagi. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, mengikut Titah Perisytiharan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bertarikh 10 November 1999 bahawa Parlimen yang ke-9 hendaklah terbubar pada hari Khamis 11 November 1999, yang demikian ini:

“Mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) saya memohon mencadangkan bahawa Mesyuarat Dewan Rakyat yang sedang berjalan sekarang diberhentikan dengan serta merta sehingga Dewan Rakyat yang ke-10 bersidang selepas pilihan raya umum nanti.”

Terima kasih.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, di bawah Usul yang telah pun dibacakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, hendaklah diputuskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Tuan Yang di-Pertua: Usul diluluskan. Oleh yang demikian, maka inilah saya memberhentikan persidangan Mesyuarat Dewan Rakyat pada hari ini. *[Tepuk]*

Dewan ditangguhkan pada pukul 3.07 petang.